2.30 – 2.45 ptg	ASP051 ABS-H	Kepimpinan Transformasi Guru Besar Terhadap Kepuasan Kerja Guru Sekolah Rendah <i>Velerie Wheelervon Primus, Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkifli</i>
2.30 - 3.00 ptg	ASP011 ABS-O/NR IIUM	Work Related Factors And Teachers' Commitment: A Study On Remedial Class Teachers In The West Coast Of Sabah <i>Aslimah Wasli, Mohd Burhan Ibrahim, and Mohamad Johdi Salleh</i>
3.00 – 3.15 ptg	ASP052 ABS-O	Kepimpinan Distributif Pengarah Dan Tekanan Kerja Terhadap Komitmen Organisasi Pengajar Di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Kota Kinabalu Sabah <i>Khairuddin Bin Abdullah, Baidi Bin Baddiri</i>
3.00 – 3.30 ptg	ASP045 ABS	The Influence of Transformational Leadership and Perceived Organizational Politic on Teachers Work Behaviour: Does the Gender of Leaders Matters? <i>Aziah Ismail</i>

SUKAN/KO-KURIKULUM		
<b>Pengerusi :</b>	YM Raja Ismail Raja Lope Ahmad	
<b>Tempat:</b>	Bilik Seminar 2	
<b>Tarikh:</b>	14 Disember 2017 (2.00 – 3.30 ptg)	
<b>Masa</b>	Pembentang	Tajuk Kertas Kerja

SEMINAR KEBANGSAAN MAJLIS DEKAN PENDIDIKAN UNIVERSITI AWAM 2017  
PENDIDIK PEMBINA NEGARA BANGSA

2.00 – 2.15 ptg	PSS019 FP/H ABS-O	Kaedah Stesen Dalam Pendidikan Jasmani <i>Raja Ismail Raja Lope Ahmad</i>
2.15 – 2.30 ptg	<b>IDPSS014</b> FP/H ABS-O	Transformasi Pengurusan Kokurikulum Melonjakkan Penyertaan Dan Pencapaian Kokurikulum Sekolah Hingga Persada Antarabangsa : Satu Perkongsian Ilmu Di Sk Canossian Convent, Segamat <i>Supian Bin Hashim, Ahmad Shamsul Bin Haji Tumijan, W.Nor Asekin Binti W.Hussain</i>
2.30 – 2.45 ptg	PSS013 FP/H ABS-O	Penilaian Program 1 Murid 1 Sukan: Kualiti Perkhidmatan Sukan dan Motivasi dengan Pembangunan Modal Insan Berbudaya Sukan <i>Mohd Affendi Arifin</i>
2.45 - 3.00 ptg	PSS031 ABS-L/NR	Attitude Towards Competitive Sports, Competitive Sports Participation And Academic Achievement Of Student-Athletes In Saudi Arabia <i>Alahmed, M.I., Yusof, A., Amri, A., Borhannudin Abdullah</i>
3.00 - 3.15 ptg	PSS005 ABS-O/H	Pengaruh Komitmen, Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Dalam Perlaksanaan Ko-Kurikulum Di Sekolah Menengah Negeri Sabah <i>Paulinia @ Lija Binti Tanin</i>
3.15 – 3.30 ptg	PSS003 FP ABS-O	Persepsi Pelajar Terhadap Penglibatan Dalam Kegiatan Kokurikulum <i>Jinjuli Jameson</i>

**PENDIDIKAN SAINS**

<b>Pengerusi :</b>	Dr. Crispina Gregory K Han	
<b>Tempat:</b>	Bilik Seminar 3	
<b>Tarikh:</b>	14 Disember 2017 (2.00 – 3.30 ptg)	
<b>Masa</b>	<b>ID</b>	<b>Tajuk Kertas Kerja</b>
2.00 – 2.15 ptg	PST014 FP/H	Evaluating Students' Engagement In Stem-Based Activities <i>Maya Insana Mohd Terang, Mohd. Zaki Ishak</i>
2.15 – 2.30 ptg	<b>PST008</b> FP-L/H	Karakter Guru Sains Berkesan Dari Perspektif Murid: Satu Kajian Perbandingan Antara Tiga Aliran Sekolah Rendah <i>C.N. Ismail, M.F. Lee, C.S. Lai</i>
2.30 – 2.45 ptg	PST009 FP-L/H	The Culture Of Learning Science: Expanding The Theoretical Framework <i>Amnah Abdullah, Mohd. Zaki Ishak</i>
2.45 - 3.00 ptg	PST011 ABS-O/H	Pengaruh Aspek Konteks Amali Sains Terhadap Aspek Input Amali Sains Dalam Kalangan Guru-Guru Sains Di Sekolah Menengah Luar Bandar Sabah <i>Crispina Gregory K Han</i>
3.00 - 3.15 ptg	PST018 ABS-O FP/H	Konsep Alternatif Bagi Konsep Sel Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4 <i>Tajularipin Sulaiman, Borhannudin Abdullah, Yusnani Abd Rahman, Nurfara'aim M. Ridzuan</i>
3.15 – 3.30 ptg	PST010 ABS-O/NR	Motivasi pembelajaran Sains: Satu Kajian Kes Sekolah Menengah di Daerah Kunak, Sabah <i>Kausal Punjung</i>

**TVET**

<b>Pengerusi :</b>	Dr. Musirin Mosin	
<b>Tempat:</b>	Bilik Seminar 4	
<b>Tarikh:</b>	14 Disember 2017 (2.00 – 3.30 ptg)	
<b>Masa</b>	<b>Pembentang</b>	<b>Tajuk Kertas Kerja</b>
2.00 – 2.15 ptg	PST016 ABS-L /USM/H	Exploring Life And Career Skills On TVET Students In Malaysian Polytechnics <i>Azidah Abu Ziden, Nurhanim Saadah Abdullah</i>
2.15 – 2.30 ptg	PST019 FP-L/H	Inovasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Perniagaan Dan Keusahawanan Melalui Simulasi Permainan <i>Rosnani Jusoh, Abd Rashid Jamian, Nor Mashila Idris</i>
2.30 – 2.45 ptg	LAIN012 ABS-O/H	Work-Based Learning: Employer Perspective Towards The Automotive Industry



SEMINAR KEBANGSAAN MAJLIS DEKAN PENDIDIKAN UNIVERSITI AWAM 2017  
PENDIDIK PEMBINA NEGARA BANGSA

		<i>Yusri Bin Kamin, Azlan Abdul Latib, Nor Fadila Amin, Muhammad Sukri Saud, Adnan Ahmad</i>
2.45 - 3.00 ptg	PTG009 FP/H Abs-O	Pembangunan Kit Menggegas Berbantuan <i>Augmented Reality</i> (AR) Bagi Subjek Kemahiran <i>Mohd Erfy Ismail, Suhaizal Hashim, Hashima Hamid, Saiful Hadi Masran, Mohd Fairuz Marian, Noorazman Abd Samad</i>
3.00 - 3.15 ptg	PST015 No record of abstract	Setup, Maintenance And Troubleshooting Of Computer System Skills For Technical And Vocational Education Teachers <i>Muhammad Sukri Saud</i>
3.15 – 3.30 ptg	PTG007 FP/H Abs-O	Pembangunan Koswer Weblog Multimedia Interaktif Dalam Pembelajaran Kejuruteraan Hidrologi <i>Ishak Johari, Syed Abdul Malik Syed Mohamed, Ahmad Sharif, Rasyidi Johan, Maizam Alias</i>

PENDIDIKAN BAHASA:ESL/GEOGRAFI/SASTERA		
<b>Pengerusi :</b>	PM Dr. Suyansah Swanto	
<b>Tempat:</b>	Bilik Seminar 5	
<b>Tarikh:</b>	14 Disember 2017 (2.00 – 3.30 ptg)	
<b>Masa</b>	<b>ID</b>	<b>Tajuk Kertas Kerja</b>
2.00 – 2.15 ptg	PBS009 ABS-O/NR	Modul Efikasi Pengajaran Bahasa Inggeris Untuk Meningkatkan Tahap Efikasi Guru Prasekolah Dalam Mengajar Bahasa Inggeris <i>Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz</i>
2.15 – 2.30 ptg	LAIN018 FP-L/H	Isu Pelaksanaan Literasi Bahasa Inggeris: Kajian Kes Sekolah Rendah Di Negeri Kelantan <i>Norfazila Binti Ghazali, Mustafa Che Omar</i>
2.30 – 2.45 ptg	ASP028 ABS-O /USM/H	Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Bahasa Untuk Kemahiran Abad Ke-21 Menerusi Pedagogi Hikmah: Kajian Kes Guru Daerah Gombak <i>Rosnani H., Wan Mazwati W. Y., Suhailah H., Madihah K., Rosemaliza K.</i>
2.45 - 3.00 ptg	PSS018 FP/H ABS-O	Penggunaan M-Learning (Mobile Learning) Dalam Kerja Lapangan Mata Pelajaran Geografi Tingkatan 6 <i>Dympna James Jemson, Sabariah Sharif, Soon Singh A/L Bikar Singh</i>
3.00 - 3.15 ptg	PSS008 FP/H ABS-O	Aplikasi Padlet Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Komponen Sastera (Komsas) <i>Anizam Mohamed Yusof, Siti Masrah Sulakah</i>
3.15 – 3.30 ptg	PBS011 ABS/USM/H	Makna Penutur Dalam Skrip Drama Antologi Teks Komponen Sastera <i>Muhammad Zuhair Zainal, Alamin Mydin, Abdullah Ghani Kamesan Abdullah</i>

---

**KERTAS INSTITUSI 1**

---

**INTERNATIONAL SERVICE LEARNING PROGRAMME UTM-UTY:  
A CONTEMPORARY PROSPECT TOWARDS HIGH IMPACT  
NEW ACADEMIA LEARNING INNOVATION**

*Shahrin Hashim* ([p-sharin@utm.my](mailto:p-sharin@utm.my)), *Mahani Mokhtar* ([p-mahani@utm.my](mailto:p-mahani@utm.my))  
*Mohd Syafiq Salleh* ([apit\\_syafiq@yahoo.com](mailto:apit_syafiq@yahoo.com))  
*Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia*

**Abstract**

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and Universitas Teknologi Yogyakarta (UTY) organized a Service Learning (SL) program as a form of synergized, strategic reciprocal collaboration as per ratified in LoC between Faculty of Education (FP) UTM / UTY. A program called "International Service Learning Programme UTM-UTY" aimed at exposing students to knowledge about the process of community development in Malaysia and Indonesia. The program also managed to provide positive impression on the participants to the meaning and sociological view of education, social structure and social processes in the context of Malaysia and Indonesia. Implementation of this program was associated with the implementation of New Academia Learning Innovation (NALI) in UTM. NALI becomes the core of teaching and learning process in UTM and SL has been selected as one of contemporary learning approaches adopted in NALI. The findings of the evaluation of the program showed that this program had opened the mind and perceptions of the participants. Thus, this effort supports the aim of producing university graduates who possess first class mentality. Consequently, experiences in ISLP have produced participants who have the potential to be world class global citizens as they are more positive and open-minded towards people from different culture and nationalities. In addition, the SL process enabled the participants to transfer their knowledge and skills to students from different background and also the community. Therefore, ISLP has the prospect to be recognized as a contemporary high impact new academia learning innovation.

Keywords: Service Learning, New Academia Learning Innovation (NALI), Strategic Collaboration

---

**KERTAS INSTITUSI 2**

---

**THE FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION IN EDUCATION:  
DEMOCRATIZATION OR DISRUPTION OF LEARNING?**

**Norazah Mohd Nordin**  
**Mohd. Helmi Norman**  
*Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia*

**Abstract**

The fourth industrial revolution is impacting all the sectors of the society. This includes education and is changing the way we teach and learn. Such changes involve the fusion between the physical, digital, and biological worlds that involve technologies such as drones in the physical sphere, digital currencies in the digital sphere, and synthetic biology in the biological sphere. Yet, are these changes democratizing or disrupting teaching and learning in educational landscapes? Moreover, as we are barely coping with integrating 21<sup>st</sup> century education in our current teaching and learning practices, how do we ensure the core values of educations are sustained while maintaining to be relevant in the fourth industrial revolution? And how do design teaching and learning to ensure future students are able to learn and re-learn skills in facing the challenges of this revolution and future revolutions? This presentation will revolve around these themes and discuss issues, challenges, and future directions in whether the fourth industrial revolution democratizes or disrupts learning.

Keywords: education, technology, educators, future learning, democratization, disruption



---

**KERTAS INSTITUSI 3**

---

**SEMINAR NASIONAL MAJLIS DEKAN-DEKAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI AWAM MALAYSIA**

Future Sustainability of Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia: The Way Forward.

BY

**Prof. Dr. Hairuddin bin Mohd Ali**

Dean, Kulliyah of Education, IIUM.

**Abstrak**

The aim of this paper is to share what are the sustainability factors for the Kulliyah of Education, International Islamic University Malaysia. It is a conceptual type of paper based on the actual planning of the kulliyah for future sustainability of the IIUM in general and KoED in particular. The deliberation will be based on the ten shifts as stated in Malaysian Higher Education Blueprint (2015-2025). These ten shifts are then laid down and matched with IIUM's strategic planning model for better future. The author also tried to share what the KoED has achieved so far based on the implementation of the organizational planning, Quality Assurance and Balanced Scorecard.

---

**KERTAS INSTITUSI 4**

---

**BEST PRACTICES PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL  
DAN PEMBERSIHAN AWAM DALAM PENGURUSAN DAN  
PERLAKSANAAN 3R PRA-SEKOLAH DI MALAYSIA**

**Shukri bin Zain, PhD**

Pengarah

Bahagian Pendidikan Masyarakat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

Kementerian Kesejahteraan Bandar, perumahan & Kerajaan Tempatan Cyberjaya

drshukrizain@gmail.com

**Abstrak**

Kanak-kanak peringkat prasekolah merupakan aset pelaburan masa depan negara. Pendidikan di peringkat ini dilihat sebagai titik permulaan transformasi paradigamaminda, jiwa dan dogma kanak-kanak ke arah memimpini ilmu serta mandiri diri ke penerokaan dunia alaf teknologi digital. Inovasi dan kreativiti ke atas pengurusan sisa pepejal bukan sahaja bertendensi mendidik kanak-kanak kepada amalan-amalan baik berkaitan kebersihan malah mampu mencetuskan lonjakan circular economy kepada Negara. Menyedari hakikat itu, Perbadanan pengurusan Sisa Pepejal dan pembersihan Awam (SW Corp) melalui instrumentasi NBOS bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Kemajaiian Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) telah mengurus dan melaksanakan modul 3R dalam kurikulum pendidikan pra sekolah untuk implimentasi 2018 ke seluruh institusi prasekolah di Malaysia. Uji rintis modul 3R prasekolah telah dilaksanakan di 24 buah prasekolah, tabika KEMAS dan tabika perpaduan terpilih di sekitar WPKL, Putrajaya dan negeri Sembilan. Dapatan menunjukkan kefahaman guru tentang amalan 3R adalah tinggi ( $r\ 0.875$ ,  $p<0.05$ ). Manakala modul 3R meningkatkan keyakinan guru bagi menerapkan amalan 3R menerusi PdP yang kreatif ( $r\ 0.76$ ,  $p<0.05$ ) dan menyeronokkan ( $r\ 0.89$ ,  $p<0.05$ ). Maklum balas guru dimanfaatkan bagi

usaha menambahbaik modul 3R sebelum digunapakai di 6,994 pra sekeolah KPM, 11,188 tabika KEMAS dan 1,751 tabika perpaduan menjelang 2018. Berdasarkan penemuan uji rintis dan field contributions, maka SW Corp mewahanakan pendekatan in-out, out-in, door on the face, face on the door dan atribusi sebagai best practices ke arah merekayasa pengurusan dan pelaksanaan 3R prasekolah yang sejajar dengan misi melahirkan generasi yang bakal memimpin Malaysia yang bersih dan indah.

---

## KERTAS INSTITUSI 5

---

### PENGAPLIKASIAN ROBOTIK MINIMALIS DALAM PEMBELAJARAN : SATU PERKONGSIAN

**Sabariah Sharif, Muralindran Mariappan, Rosy Talin, Soon Singh Bikar Singh, Pathmanathan K. Suppiah, Nooraziah Mokti, Nasferiza Nasir**

#### Abstrak

Kertas institusi ini mengenai program yang mengintegrasikan ilmu robotik ke dalam pembelajaran untuk mencipta suatu suasana pengajaran dan pembelajaran yang dapat mencungkil Kemahiran Abad ke-21 seperti kreativiti, kemahiran komunikasi dan kolaborasi serta penyelesaian masalah pelajar seiring dengan kehendak *Fourth Industrial Revolution (4IR)*. Sebanyak sepuluh buah sekolah daripada daerah Tuaran yang terlibat dengan menghantar beberapa wakil untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan seperti Pameran *booth* cabaran, *Robonators Championship*, Cabaran robotik, Cerpen, dan Video pendek. Modul aktiviti yang telah dibangunkan telah digunakan sepanjang program sebagai panduan. Program ini merangkumi tiga fasa pelaksanaan sebelum Karnival Jom Robotik@Tuaran dilaksanakan. Di akhir sesi pembelajaran, dijangkakan bahawa pelajar dapat membina pengetahuan sendiri, berwujud atau tidak ketara, dan meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran tentang robotik dan matematik. Hasil daripada program ini menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan robotik dapat menarik minat pelajar untuk lebih cenderung terhadap bidang STEAM( *Science, Technology, Engineering, Art and Mathematics*) selain dapat meningkatkan kemahiran kognitif dan sosial pelajar.

---

## KERTAS INSTITUSI 6

---

### INTEGRASI NAQLI DAN AQLI DALAM PROGRAM PENDIDIKAN DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

**\*Ramiada Darmi, Noor Saazai Mat Saad, Noor Azizi Ismail  
Maziahtusima Ishak, Noorhayati Hashim**

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

[\\*ramiada@usim.edu.my](mailto:*ramiada@usim.edu.my)  
+606-7986751

#### Abstract

Konsep integrasi ilmu naqli dan aqli telah diterapkan dan dilaksanakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sejak penubuhannya pada tahun 2005. Selaras dengan peredaran masa, konsep ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam visi USIM - mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli untuk mentransformasi dan menghasilkan nilai kepada negara, ummah dan manusia sejagat. Visi ini direalisasikan di kesemua fakulti, serta jabatan-jabatan pentadbiran yang lain di USIM. Di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), visi ini difokuskan

kepada memartabatkan kecemerlangan bahasa dan pendidikan. Penerapan dan pelaksanaan ilmu naqli dan aqli di FPBU telah dikembangkan kepada semua program sarjana muda, sarjana dan Doktor Falsafah. Di dalam kertas ini, fokus adalah kepada konsep integrasi naqli dan aqli di dalam program Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Keupujian di FPBU. Program ini bertujuan melahirkan graduan yang memartabatkan pengajian pendidikan ke arus perdana pendidikan negara dengan membina kesepaduan antara ilmu naqli dan aqli dalam diri setiap siswazah yang dilahirkan. Program ini juga mensasarkan agar dapat melahirkan ilmuan yang berpendidikan sepadu melalui pendidikan yang mempunyai potensi tinggi bagi menerajui pembangunan negara, yang dapat menghasilkan penyelidikan dalam bidang pendidikan untuk mentransformasikan negara, ummah dan manusia sejagat, serta dapat membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan Islam yang mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan masyarakat secara berkesan. Kertas ini bertujuan untuk berkongsi bagaimana konsep integrasi ilmu naqli dan aqli diterapkan dan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran seperti di dalam kursus Bimbingan dan Kaunseling, Pendidikan Fiqh dan Sirah serta Teknologi dan Inovasi dalam Pendidikan, aktiviti ko-kurikulum serta kegiatan khidmat masyarakat yang dijalankan dalam program pendidikan di FPBU. Ia turut berkongsi mengenai cabaran dalam pelaksanaan konsep tersebut di dalam program dan USIM amnya. Dengan ini, ia diharap dapat memaklumkan kepada umum mengenai keistimewaan program pendidikan di FPBU, USIM.

---

## ABSTRAK

---

### KEPIMPINAN

13 Disember 2017/ 2.00 – 3.00 ptg/Bilik Tutorial 1

---

## KETARASEDAR DAN SIKAP OPTIMISTIK AKADEMIK GURU

**Abdul Ghani Kanesan Bin Abdullah<sup>1</sup>, Abdul Jalil Ali<sup>2</sup> & Sivasanggar a/l Subramaniam<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

<sup>1</sup>[agk@usm.my](mailto:agk@usm.my) <sup>2</sup>[aja@usm.my](mailto:aja@usm.my) <sup>3</sup>[sanggars74@gmail.com](mailto:sanggars74@gmail.com)

Ketarasedar merupakan kompetensi emosi yang kritikal dalam kepimpinan sekolah dan pemimpin yang menjana dan mengamalkan ketarasedar secara optimum pula akan berupaya meningkatkan sikap optimistik akademik guru sekaligus menjamin kemenjadian murid selaras dengan PPPM 2013-2025. Sehubungan itu, tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti pengaruh ketarasedar terhadap sikap optimistik akademik guru di sekolah menengah kebangsaan. Selain itu kajian ini juga turut mengkaji tahap ketarasedar dan sikap optimistik akademik guru. Seramai 775 orang guru telah menjadi responden kajian yang dipilih secara rawak dari 155 buah SMK di negeri Kedah Darul Aman dan Pulau Pinang. Data diperoleh melalui soal selidik, instrumen terjemahan School Mindfulness Scale (M- Scale) yang dibina oleh Hoy dan Gage (2003) digunakan untuk mengukur ketarasedar. Manakala sikap optimistik akademik guru pula diukur dengan menggunakan soal selidik terjemahan Teacher Sense of Academic Optimism for Secondary Teachers (TAOS-S) yang dibina oleh Fahy, Wu dan Hoy (2010). Semua data telah dianalisis pada peringkat sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap amalan ketarasedar dan sikap optimistik akademik guru di sekolah adalah sederhana. Manakala dapatan kajian menunjukkan hanya ketarasedar peringkat individu sahaja yang mempunyai pengaruh secara signifikan terhadap sikap optimistik akademik guru dimensi efikasi kolektif guru, kepercayaan guru terhadap ibu bapa dan guru, dan penekanan akademik oleh guru berbanding ketarasedar peringkat organisasi. Dari segi implikasi pula, dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pemimpin peringkat sekolah harus meningkatkan usaha dalam mengimplimentasi ketarasedar secara strategik, supportif dan kreatif agar sikap optimistik akademik dalam kalangan warga sekolah meningkat seterusnya melonjakkan kecemerlangan sekolah.

## ANALISIS SKOR MIN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL DAN MOTIVASI

## KERJA GURU MATA PELAJARAN SEJARAH DI SABAH

Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkifli<sup>1</sup>

Soon Singh A/L Bikar Singh<sup>2</sup>, Roslee Talip<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my) <sup>2</sup>[soonbs@ums.edu.my](mailto:soonbs@ums.edu.my) <sup>3</sup>[roslee\\_73@ums.edu.my](mailto:roslee_73@ums.edu.my)

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti perbezaan skor min variabel kepemimpinan instruksional dan variabel motivasi kerja guru mata pelajaran Sejarah di Sabah. Kajian Tinjauan ini melibatkan sampel seramai 334 guru mata pelajaran Sejarah sekolah menengah di Sabah. Kaedah persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak mudah. Variabel kajian diuji menggunakan statistik inferensi yang melibatkan ujian t dan ANOVA. Kajian ini menggunakan soal selidik PIMRS dan QMAT sebagai alat pengukur bagi variabel-variabel kajian. Analisis perbezaan min bagi variabel kepemimpinan instruksional, motivasi kerja dan prestasi kerja berdasarkan jantina mendapati terdapat perbezaan skor min (0.09), (0.01) antara responden lelaki (M=3.68, 3.64, SD=.47, .23, n=128) dengan perempuan (M=3.77, 3.65, SD=.48, .23, n=206). Analisis ujian-t pula mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $t(332)=-1.67, -0.21, p>0.05$ ) bagi variabel kepemimpinan instruksional berdasarkan jantina. Ujian ANOVA mendapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $F=2.879, p<0.05$ ) variabel kepemimpinan instruksional berdasarkan umur. Ujian ANOVA mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $F=.67, p>0.05$ ) variabel motivasi kerja berdasarkan umur. Manakala ujian ANOVA mendapati terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $F=4.68, P<0.05$ ) bagi variabel kepemimpinan instruksional berdasarkan pengalaman mengajar. ujian ANOVA juga mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan ( $F=1.945, P>0.05$ ) bagi variabel motivasi kerja berdasarkan pengalaman mengajar. Kepemimpinan instruksional guru adalah amat penting kerana guru merupakan individu yang menentukan hala tuju dan kelancaran pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru juga adalah agen pelaksana pendidikan yang memegang peranan sangat penting iaitu sebagai pendidik, fasilitator dan motivator. Sehubungan itu, motivasi kerja merupakan faktor penting sebagai pendorong semangat guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

---

## TINGKAH LAKU KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA, KOMITMEN ORGANISAS SEKOLAH DAN EFIKASI KENDIRI GURU TERHADAP KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH PEDALAMAN SABAH.

Ibrahim Mohammad<sup>1</sup> & Khairuddin Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[ahim66@yahoo.com.my](mailto:ahim66@yahoo.com.my)

Kepuasan kerja sebagai kombinasi antara faktor-faktor psikologi, fisiologi dan persekitaran yang menyebabkan seseorang berkata "saya berpuas hati dengan kerja saya" (Hoppock 1977). Hoy dan Miskel (1991), memberi maksud kepuasan kerja sebagai "merupakan keadaan afektif semasa atau selepas, sama ada menyukai atau membenci apa yang berlaku bila guru-guru menilai peranannya". Kepuasan kerja menjadi penting kerana dikatakan pekerja yang seronok adalah pekerja yang produktif (Hoy & Miskel 1991), kepuasan kerja membawa kepada peningkatan prestasi (Scott & Taylor 1985) dan prestasi yang baik membawa kepada kepuasan kerja (Petty et al., 1984). Fokus utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti hubungan tingkah laku kepimpinan transformasi pengetua, komitmen organisasi sekolah dan efikasi sendiri terhadap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru sekolah menengah pedalaman Sabah. Seramai 397 orang guru di pilih sebagai sampel kajian di 24 buah sekolah menengah yang terdapat di 4 daerah PPD dalam pedalaman Sabah. Pemilihan sampel dibuat secara berkelompok dan rawak mudah. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik dan di analisis dengan menggunakan program SPSS Versi 22.0. Empat instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ), Organizational Commitment Questionnaire (OCQ), 'Teacher Efficacy Scale' (TES) dan 'Minnesota Satisfaction Questionnaire' (MSQ). Hipotesis diuji dengan menggunakan anova sehala dan korelasi Pearson 'r'. Keputusan pengujian hipotesis kajian menggunakan anova sehala mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan antara tingkah laku kepimpinan transformasi pengetua, komitmen organisasi, efikasi guru dan kepuasan kerja guru. Sementara pengujian hipotesis menggunakan korelasi Pearson-r mendapati terdapat hubungan antara tingkah laku kepimpinan transformasi pengetua, komitmen organisasi (guru) dan efikasi guru dengan kepuasan kerja guru. Begitu juga tingkah laku kepimpinan transformasi pengetua dengan komitmen organisasi terdapat hubungan, komitmen organisasi dengan efikasi guru terdapat hubungan. Sebaliknya

tingkah laku kepimpinan transformasi pengetua dengan efikasi guru tidak terdapat hubungan. Secara amnya intipati dapatan kajian ini menunjukkan bahawa untuk mempertingkatkan kepuasan kerja guru, faktor-faktor seperti tingkah laku kepimpinan transformasi pengetua, komitmen organisasi sekolah dan efikasi perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah. Selanjutnya, perbincangan dan kesimpulan kajian turut dihuraikan.

---

## HUBUNGAN KEPIMPINAN PENGETUA DAN IKLIM SEKOLAH DENGAN MOTIVASI GURU

**Evonne Lai Eng Fei<sup>1</sup> & Crispina Gregory K Han<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[pilloweeet\\_oxox@hotmail.com](mailto:pilloweeet_oxox@hotmail.com)

<sup>2</sup>[crispina@ums.edu.my](mailto:crispina@ums.edu.my)

Kajian yang bertajuk hubungan kepimpinan pengetua dan iklim sekolah dengan motivasi guru dalam kalangan guru-guru sekolah menengah dilaksanakan di daerah Sri Aman, Sarawak. Seramai 188 responden dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik. Kepimpinan pengetua telah diukur menggunakan instrumen The Leadership Behavior Description Questionnaire (LBDQ) dan iklim sekolah diukur menggunakan School-Level Environment Questionnaire (SLEQ). Instrumen soal selidik, A Questionnaire Measure of Individual Differences in Achieving Tendency (QMAT) pula digunakan untuk mengukur tahap motivasi guru. Nilai alpha Cronbach soal selidik ialah .926, .747 dan .792. Dapatan kajian mendapati kepimpinan pengetua, iklim sekolah dan motivasi guru adalah pada tahap tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepimpinan pengetua berdasarkan kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar, iklim sekolah berdasarkan kelayakan ikhtisas, motivasi guru berdasarkan kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang signifikan bagi iklim sekolah berdasarkan pengalaman mengajar. Analisis kajian juga menunjukkan terdapatnya hubungan positif yang lemah antara iklim sekolah dengan motivasi guru ( $r=.358$ ,  $p<.05$ ) dan antara hubungan kepimpinan pengetua dengan motivasi guru ( $r=.206$ ,  $p<.05$ ).

---

## PERANAN PENGETUA DALAM MENENTUKAN HALATUJU KECEMERLANGAN AKADEMIK DAN KO-KURIKULUM SEKOLAH: SATU ANALISIS KUALITATIF KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL

**Colonius Bin Atang<sup>1</sup>, Elizabeth Elin<sup>2</sup> & Crispina Gregory K Han<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>2,3</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Kajian ini bertujuan untuk meneliti peranan pengetua dalam membawa kecemerlangan akademik sekolah dengan mengaplikasikan amalan kepimpinan instruksional dalam memimpin organisasi sehingga menyumbang kepada pencapaian murid yang cemerlang. Walaupun telah banyak kajian tentang kepentingan pengetua mengamalkan kepimpinan instruksional dalam memimpin sesebuah organisasi namun faktor kompetensi pengetua jarang diketengahkan dalam menjelaskan sama ada sesebuah sekolah itu berjaya atau tidak dalam meningkatkan pencapaian murid. Oleh itu, pengetua perlu memiliki kemahiran dalam membimbing guru-guru agar lebih berkebolehan sebagai pemudah cara dalam pembelajaran dan pengajaran yang efektif untuk mengembangkan potensi murid secara menyeluruh. Kajian ini juga meneliti sejauhmanakah pengetua sekolah berupaya menggerakkan dan menggembelng tenaga guru-guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan dalam membentuk kemenjadian murid dalam akademik dan ko-kurikulum. Kaedah kualitatif menggunakan pendekatan temubual dan pemerhatian digunakan dalam mendapatkan maklumat daripada seorang pengetua dan dua orang guru di sekolah pedalaman Sabah yang terletak di Daerah Beluran untuk dijadikan kajian kes dalam penyelidikan ini. Disamping itu juga, temubual turut dijalankan ke atas dua orang murid sekolah untuk meninjau keberkesanan pengajaran guru di sekolah tersebut. Hasil kajian mendapati kepimpinan instruksional pengetua mudah diterima oleh guru dan gaya kepimpinannya mempengaruhi kecemerlangan sekolah. Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan instruksional yang dipraktikkan mempengaruhi kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan guru yang dapat meningkatkan keberhasilan pembelajaran dan kualiti pengajaran sehingga berkeupayaan merangsang minat murid untuk belajar. Penemuan ini diharapkan dapat dijadikan panduan untuk memperkasakan lagi kepimpinan pengetua terutamanya sekolah luar bandar dalam mengurus sekolah dan menjadi pemangkin kepada guru-guru untuk memastikan kemenjadian murid yang cemerlang dari aspek akademik dan ko-kurikulum.

---

**COACHING DAN MENTORING: KE ARAH PENINGKATAN KEPIMPINAN DAN  
PENGURUSAN PENGETUA DAN GURU BESAR DI NEGERI SABAH  
TERUTAMA DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21 (PAK-21)**

**Halimah Hj Ag Kanak<sup>1</sup> & Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkipli<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[Lis885@yahoo.com.my](mailto:Lis885@yahoo.com.my) <sup>2</sup>[dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my)

Kertas konsep ini membincangkan coaching dan mentoring. Coaching dan mentoring adalah salah satu pendekatan yang begitu sinonim dan dipercayai berkesan dalam membantu pembangunan pendidikan. Coaching dan mentoring bukan saja dilakukan oleh pakar-pakar tertentu tetapi coaching & mentoring juga perlu dilakukan oleh semua peringkat yang terlibat dalam pembangunan sesebuah institusi pendidikan terutama sekali ketua pengurus sekolah dan pemimpin-pemimpin pertengahan yang ada di sekolah. Dewasa ini, pengajaran dan pembelajaran Abad ke-2 (PAK21) amat hangat dibincangkan di sana-sini. Kementerian Pendidikan juga telah mengarahkan agar semua sekolah di Malaysia ini melaksanakan Pembelajaran Abad ke-21 ini untuk memantapkan lagi peningkatan prestasi sekolah-sekolah agar boleh bersaing secara global. Namun isu yang sering kita dengar berlaku di peringkat institusi pendidikan rendah dan menengah adalah tentang masalah dalam pengurusan ke arah pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21 itu sendiri. Para pemimpin menghadapi sedikit masalah dan tidak tahu mengurus perkara ini. Kebanyakan pengurus sekolah menganggap bahawa Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) lebih kepada pembelajaran yang lebih canggih dengan penggunaan alat-alat moden yang berkaitan ICT. Kebanyakan daripada mereka mengeluh untuk memulakan pelaksanaan PAK21 dalam situasi sekolah yang kekurangan dana dan peruntukan daripada kerajaan. Oleh kerana itu ada sekolah yang tidak dapat menjalankan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berasaskan Pembelajaran Abad ke-21 dengan baik dan berkesan. Sehubungan dengan itu para pengurus sekolah perlu diberikan pendedahan yang sewajarnya untuk lebih memahami konsep pengajaran dan pembelajaran Abad 21 ini.

---

**PERSEKITARAN/KEPIMPINAN**

**14 Disember 2017/11.00pg – 12.30tgh/Bilik Tutorial 1**

**PENGARUH PENGURUSAN DISIPLIN, KOMUNIKASI GURU DAN IKLIM  
ORGANISASI SEKOLAH TERHADAP TINGKAH LAKU DELINKUEN  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI PEDALAMAN SABAH.**

**Md. Nazmil Rumpau Abdullah<sup>1</sup> & Dr.Mohd Khairuddin Abdullah<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan PendidikanUniversiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[nazmil.abdullah@yahoo.com.my](mailto:nazmil.abdullah@yahoo.com.my)

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti hubungan pengurusan disiplin, komunikasi guru dan iklim organisasi sekolah terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah di Pedalaman Sabah. Seramai 400 orang guru terdiri daripada guru kanan disiplin, guru-guru disiplin dan guru-guru akademik biasa merangkap semua guru adalah guru disiplin telah di pilih sebagai sampel kajian di 24 buah sekolah menengah yang terdapat di 4 daerah dalam kawasan Pedalaman Sabah. Pemilihan sampel dibuat secara berkelompok dan rawak mudah. Data diperolehi dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan program SPSS Versi 21.0. Empat instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu alat pengurusan Nickson (1990), Bert Decker (1993) telah diubah suai oleh Mohd.Zaikham (2005), Iklim Litwin dan Stringer's Organizational (LSOC) telah diubah suai oleh Maisura M.Yusop (2007) dan Soal Selidik Tingkah Laku Delinkuen. Hipotesis diuji dengan menggunakan ujian Korelasi Pearson 'r'. Hipotesis Ho1: Tidak terdapat hubungan signifikan antara pengurusan disiplin terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah di Pedalaman Sabah.. Dapatan kajian menyokong Ho1, yakni  $r(-.079) = .432$ ,  $p < .05$ . Hipotesis Ho2: Tidak terdapat hubungan signifikan komunikasi guru terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah di Pedalaman Sabah. Dapatan kajian tidak menyokong Ho2 yakni  $r(.210) = .036$ ,  $p < .05$ . Hipotesis Ho3: Tidak terdapat hubungan signifikan iklim sekolah terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah di Pedalaman Sabah. Dapatan kajian tidak menyokong Ho3, yakni  $r(.070) = .487$ ,  $p < 0.05$ . Hipotesis Ho4: Tidak terdapat hubungan signifikan pengurusan disiplin



dengan komunikasi guru terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah di Pedalaman Sabah. Dapatan kajian tidak menyokong Ho4 yakni  $r(0.014) = .890$ ,  $p < 0.05$ . Hipotesis Ho5: Tidak terdapat hubungan signifikan antara komunikasi guru dengan iklim sekolah terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah di Pedalaman Sabah. Dapatan kajian tidak menyokong Ho5 yakni  $r(0.047) = .641$ ,  $p < 0.05$ . Hipotesis Ho6 : Tidak terdapat hubungan signifikan antara pengurusan disiplin dengan iklim sekolah terhadap tingkah laku delinkuen pelajar sekolah menengah di Pedalaman Sabah. Dapatan kajian menyokong Ho6 yakni  $r(-0.052) = .608$ ,  $p < 0.05$ . Secara keseluruhan hasil intipati dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh pengurusan disiplin, komunikasi guru dan iklim organisasi perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah dalam menangani tingkah laku delinkuen pelajar di sekolah.

---

## TEACHERS AND STUDENTS PERCEPTION OF CLASSROOM ENVIRONMENT IN THE SCHOOL-BASED ASSESSMENT SYSTEM

Umi Kalsum Mohd Salleh<sup>1</sup> Cathreena Chee Sue Fern<sup>2</sup>  
Hutkemri<sup>3</sup> Suzieleez Syrene Abdul Rahim<sup>4</sup>  
<sup>1,2,3,4</sup> Faculty of Education, University of Malaya,  
<sup>1</sup> [umi\\_salleh@um.edu.my](mailto:umi_salleh@um.edu.my)

Abstract: The education system in Malaysia has recently made its shift towards a more holistic form of assessment, known as the School-based Assessment (SBA), in attempt to reduce the exam-oriented teaching and learning in the classroom. However, with teachers and students accustomed to traditional practices of teaching and learning, there is a need to examine the classroom environment in the SBA system. Hence, it is the aim of this study to describe the classroom environment in the School-based Assessment (SBA) system through the perception of teachers and students. Samples comprised of 32 Form 1 and Form 2 English language teachers and 474 students within the Federal Territory of Kuala Lumpur. The Individualized Classroom Environment Questionnaire (ICEQ) by Fraser (1990) comprising of the actual as well as preferred classroom environment was used as the research instrument. Data were analyzed using descriptive as well as inferential statistics. Findings revealed that teachers and students perceived their actual as well as preferred classroom environment to comprise of student-centered practices in terms of personalization, participation, independence and investigation, with a relatively low level of differentiation to be present in their classroom. Findings as well revealed that there is no significant difference in terms of teachers' years of teaching experience and their perception of the actual as well as preferred classroom environment

---

## PENGARUH SIKAP MURID DAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN TERHADAP PENCAPAIAN MURID TINGKATAN 4 DALAM MATEMATIK DI KOTA KINABALU, SABAH

Quek Lee Sin<sup>1</sup> & Rosy binti Talin<sup>2</sup>  
<sup>1,2</sup> School of Education & Social Development, Universiti Malaysia Sabah  
<sup>1</sup> [leesin85@hotmail.com](mailto:leesin85@hotmail.com) <sup>2</sup> [rosy@ums.edu.my](mailto:rosy@ums.edu.my)

Matematik merupakan mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh setiap murid di mana ia mengukur sejauh mana seseorang murid itu boleh membuat penaaakulan dan menyelesaikan masalah sama ada dalam masalah Matematik itu sendiri mahupun di dunia sebenar. Maka tujuan utama kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara faktor sikap murid dan faktor persekitaran dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Matematik. Selain itu, pengaruh dua faktor tersebut terhadap pencapaian mata pelajaran Matematik juga dikaji. Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kuantitatif. Soal selidik yang digunakan ialah soal selidik Orientasi Pembelajaran Matematik (OPM). Terdapat 19 item sikap dalam mempelajari Matematik. Di samping itu, terdapat 10 item persekitaran dalam mempelajari Matematik. Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan persampelan kluster kelompok. Seramai 459 murid tingkatan empat yang berasal dari tiga buah sekolah menengah di Kota Kinabalu yang dipilih. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu statistik min, kekerapan dan peratusan. Selain itu, ujian korelasi Pearson dan regresi linear mudah digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil analisis kolerasi ( $r = .382$ ,  $p < 0.05$ ) menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara sikap pembelajaran murid dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Matematik. Dapatan analisis kolerasi

( $r = -.217$ ,  $p < 0.05$ ) juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara faktor persekitaran pembelajaran murid dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Matematik. Hasil daripada pekali regresi ( $Beta = .382$ ), ( $t = 8.834$ ,  $k < .05$ ) jelas menunjukkan hubungan di antara sikap murid dan pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik adalah satu hubungan linear yang signifikan. Dengan erti kata lain, pencapaian murid dalam mata pelajaran Matematik dipengaruhi sikap pembelajaran dan persekitaran pembelajaran.

---

## PERSONALITI KREATIF, IKLIM KREATIF SEKOLAH, AMALAN MEMUPUK KREATIVITI DAN MOTIVASI SEBAGAI FAKTOR-FAKTOR PENGAJARAN KREATIF GURU

Hairi Binti Asul<sup>1</sup>, Sabariah Sarif<sup>2</sup> & Mohd Khairuddin Abdullah@Jerry<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Budaya kreativiti mesti diterapkan untuk menggalakkan pembelajaran murid dan ia harus dimulakan melalui amalan kreatif dalam pengajaran guru. Menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, transformasi pendidikan dalam tempoh 13 tahun diusahakan dalam tiga gelombang pembaharuan. Gelombang pertama telah bermula pada tahun 2013 hingga 2015 bertujuan meningkatkan kecekapan sistem dengan tumpuan dan sokongan terhadap perubahan guru selain fokus kepada kemahiran teras. Demikian pula, kewujudan isu berhubung dengan masalah pencapaian kemahiran literasi di kalangan murid tahap satu sekolah rendah yang menjadi satu bahan yang tidak pernah berhenti diperkatakan. Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2015 memperlihatkan senario bahawa pencapaian Ujian Saringan LINUS melalui Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) tidak mencapai sasarannya. Maka dalam menangani permasalahan yang wujud dalam kemahiran membaca guru perlu kreatif dan inovatif selain merancang aktiviti pengajaran yang menarik, membina persekitaran kondusif dan memberi motivasi supaya murid terus belajar. Selain itu guru bahasa amat perlu kepakaran bagi penentuan kesediaan murid mereka di samping jelas berkenaan bimbingan terhadap murid yang sepatutnya diberikan. Sehubungan dengan isu perlunya pengajaran kreatif adalah salah satu ciri utama dan keperluan di kalangan guru bahasa demi kemenjadian murid itu sendiri mahupun kepada sistem pendidikan dan negara. Kajian dalam bidang psikologi dan pendidikan pula menunjukkan tahap kreativiti pengajaran seseorang guru dipengaruhi oleh elemen-elemen yang pelbagai disebabkan kreativiti individu tidak hanya boleh wujud dengan sendiri, tetapi ia memerlukan sesuatu faktor yang mendorong seseorang individu tersebut untuk menjadi seseorang yang kreatif. Maka kertas konsep ini menumpukan kepada perbincangan tentang faktor iklim kreatif sekolah dalam mempengaruhi pengajaran kreatif guru.

---

## PENGARUH IKLIM SEKOLAH TERHADAP PRESTASI KERJA GURU DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)

Mohd Mahadzir Rahimi Bin Mohamed Nawi<sup>1</sup>, Khalid Bin Johari<sup>2</sup>

Mohd Khairuddin Bin Abdullah<sup>3</sup> & Norsimah Binti Dasan<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[mahadzirrahimi@mara.gov.my](mailto:mahadzirrahimi@mara.gov.my) <sup>2</sup>[drkhalidjohari@gmail.co](mailto:drkhalidjohari@gmail.co)

<sup>3</sup>[khair@ums.edu.my](mailto:khair@ums.edu.my) <sup>4</sup>[norsimah@yahoo.com](mailto:norsimah@yahoo.com)

Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh iklim sekolah sihat terhadap prestasi kerja guru di MRSM. Sampel yang digunakan ialah seramai 440 orang guru MRSM seluruh Malaysia dengan menggunakan teknik persampelan multi stage sampling. Kajian tinjauan ini menggunakan instrumen Organizational Health Inventory for Elementary Schools (OHI) yang di bina oleh Hoy, Tarter, Kottkamp dan instrumen Prestasi Kerja Guru dibina oleh Strauss dan Sayles. Kajian rintis menunjukkan aras alpha cronbach yang diperolehi untuk setiap instrument dalam kajian ini ialah 0.893 untuk iklim sekolah sihat dan 0.826 untuk prestasi kerja guru. Dapatan kajian melalui analisis regresi berganda menunjukkan iklim sekolah sihat mempunyai pengaruh terhadap prestasi kerja guru melalui dimensi integrit institusi dan penekanan akademik. Bagi dimensi lain seperti inisiatif, pertimbangan, pengaruh pengetua, sokongan sumber dan moral tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi kerja guru. Implikasi kajian terhadap kajian ini juga dibincangkan.



---

## AMALAN KEPIMPINAN GURU TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR DI SEKOLAH RENDAH UGAMA (SSSRU), BRUNEI DARUSSALAM

Siti Norhafilah Bte Haji Japar<sup>1</sup> & Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkifli<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[irdina\\_hakimah@hotmail.com](mailto:irdina_hakimah@hotmail.com) <sup>2</sup>[dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my)

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap amalan kepimpinan guru terhadap pencapaian akademik pelajar dalam peperiksaan sijil-sijil sekolah rendah agama (SSSRU) berdasarkan tujuh dimensi kepimpinan guru yang dicadangkan oleh Katzenmeyer dan Moller (2004) iaitu kesedaran sendiri, motivasi dan pengembangan diri, komunikasi, kepelbagaiaan, penguasaan pengajaran, penambahbaikan yang berterusan dan organisasi sendiri. Teori yang digunakan iaitu berasaskan Model Pembangunan Kepimpinan Guru oleh Katzenmeyer dan Moller (2009). Instrumen yang digunakan ialah Teacher Leadership Self Assessment (TLISA) oleh Katzenmeyer dan Moller (2004). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan melibatkan seramai 103 orang guru-guru agama di bawah kementerian hal ehwal agama sahaja (KHEU). Data soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi menggunakan perisian 'Program Statistical Packages For Social Science version 22.0'. Hasil dapatan mendapati terdapat hubungan antara amalan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar SSSRU pada dimensi kesedaran sendiri ( $r=0.264$ ,  $p=0.007$ ), motivasi dan pengembangan diri ( $r=0.349$ ,  $p=0.000$ ), komunikasi ( $r=0.262$ ,  $p=0.008$ ), penguasaan pengajaran ( $r=0.362$ ,  $p=0.000$ ) dan organisasi sendiri ( $r=0.249$ ,  $p=0.011$ ). Manakala dua lagi dimensi amalan kepimpinan guru iaitu kepelbagaiaan ( $r=0.165$ ,  $p=0.97$ ) dan penambahbaikan yang berterusan ( $r=0.063$ ,  $p=0.530$ ) tidak terdapat hubungan antara amalan kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar SSSRU. Beberapa cadangan turut dikemukakan kepada pihak sekolah supaya kurikulum subjek lebih bersifat dinamik agar dapat membentuk individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani dan emosi. Pelajar seharusnya memberikan komitmen yang tinggi terhadap pembelajaran mereka kerana menuntut ilmu adalah amalan yang terpuji. Keikhlasan dalam menuntut ilmu lebih bermanfaat kerana keikhlasan akan membantu pelajar menghayati serta mengamalkan segala ilmu yang telah dipelajari. Pelajar juga disarankan agar tidak terlalu bergantung kepada guru untuk menyediakan nota-nota ringkasan pelajaran. Pelajar seharusnya lebih berusaha gigih dan bersikap proaktif untuk mencapai keputusan yang cemerlang dan dapat mengembirakan kedua ibu-bapa mereka dan ibu-bapa disarankan agar sentiasa meluangkan masa dengan anak-anak dan membantu pembelajaran mereka. Didikan yang sempurna akan dapat membantu melahirkan generasi cemerlang dan sekaligus membantu Negara mencapai Wawasan 2035. dalam memberikan kesedaran betapa pentingnya amalan kepimpinan guru yang membawa kesan kepada pencapaian akademik pelajar am nya dan SSSRU khususnya.

---

### KEPIMPINAN

14 Disember 2017/11.00 pg – 12.30 tgh/Bilik Tutorial 2

### GAYA KEPIMPINAN GURU BESAR TERHADAP MOTIVASI KERJA GURU SEKOLAH AGAMA NEGERI (SAN) PEDALAMAN BAWAH

Dg Maimunah Hj. Sidek<sup>1</sup> & Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkifli<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[dms762000@gmail.com](mailto:dms762000@gmail.com) <sup>2</sup>[dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my)

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap gaya kepimpinan guru besar berpandukan empat dimensi iaitu dimensi arahan, sokongan, partisipatif dan berorientasi pencapaian terhadap motivasi kerja guru berdasarkan dua faktor iaitu faktor pendorong (motivator) dan faktor persekitaran (Hygien). Sampel kajian terdiri daripada 103 orang guru yang diperolehi dari 33 buah sekolah agama negeri kawasan Pedalaman Bawah Sabah, iaitu melibatkan lima daerah. Daerah-daerah yang terlibat adalah Beaufort, Sipitang, Kuala Penyu, daerah kecil Membakut dan Daerah Kecil Menumbok. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan 'Statistical Packages For Social Sciences' (SPSS) dan dapatan dilaporkan dalam bentuk inferensi (ujian-t dan ANOVA). Hasil kajian mendapati bahawa tiada perbezaan min skor bagi demografi responden sama ada jantina, umur, tahap akademik dan

tempoh mengajar terhadap gaya kepimpinan guru besar mahupun motivasi kerja guru.. Dicadangkan agar pengurusan sekolah dipertingkatkan melalui latihan dan bimbingan kepada guru besar, serta latihan dan bengkel kepada peningkatan motivasi kerja untuk guru.

---

## MEMAHAMI KEPIMPINAN BERPRESTASI TINGGI DI SEKOLAH: ANALISIS CIRI DAN PROSES PERKEMBANGAN KEPIMPINAN

**Andrew Thomas Ujil<sup>1</sup> & Christina Andin<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup> [an\\_thom88@yahoo.com](mailto:an_thom88@yahoo.com) <sup>2</sup> [Christina@ums.edu.my](mailto:Christina@ums.edu.my)

Kepimpinan berprestasi tinggi telah menjadi satu agenda utama menerusi Anjakan 5, iaitu memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025 (PPPM). Dalam PPPM 2013- 2025, Kepimpinan berprestasi tinggi merujuk kepada pengetua atau guru besar yang cemerlang kerana sentiasa gigih dalam matlamatnya untuk meningkatkan keberhasilan murid, dari segi akademik dan bukan akademik. Kepimpinan berprestasi tinggi ini juga dikatakan dapat meningkatkan keberhasilan murid kerana kepimpinan berprestasi tinggi berupaya memastikan iklim sekolah sentiasa sihat, teratur, berdisiplin, mempunyai matlamat, kerjasama yang erat, komitmen yang tinggi, mempunyai program pembangunan staf dan hubungan dengan pihak luar yang baik. Memandangkan kepimpinan berprestasi tinggi ini sangat penting untuk memacu kecemerlangan sekolah, penulisan ini membuat sorotan kepada ciri pemimpin berprestasi tinggi, proses perkembangan kepimpinan secara umum dan membincangkan jurang kajian dalam konteks perkembangan kepimpinan berprestasi tinggi. Sorotan mengenai ciri akan meliputi amalan-amalan pemimpin berprestasi tinggi dan proses perkembangan kepimpinan akan memberikan fokus kepada beberapa elemen dalam fasa perkembangan kepimpinan yang berjaya diterokai oleh kajian-kajian lepas. Perbincangan dan rumusan kepada sorotan ini akan membawa kepada penemuan jurang dalam kajian mengenai bagaimana elemen-elemen dalam fasa perkembangan itu menyumbang kepada amalan-amalan kepimpinan berprestasi tinggi.

---

## PENGARUH KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR TERHADAP EFIKASI PENGAJARAN GURU SEKOLAH RENDAH DI ZON PEDALAMAN SABAH

**Serirama Ebbie<sup>1</sup> & Roslee Bin Talip<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Kajian ini membincangkan tentang pengaruh kepimpinan instruksional guru besar terhadap efikasi pengajaran guru sekolah rendah di Zon Pedalaman Sabah. Dalam kajian ini, fokus utama melibatkan tujuh dimensi iaitu menjelaskan misi, visi dan matlamat sekolah, mengurus kurikulum dan pengajaran, menyelia pengajaran dan pembelajaran, memantau kemajuan pelajar, menggalakkan iklim Pengajaran dan Pembelajaran, perkembangan staf dan perkembangan profesionalisme dan kerjasama dengan pihak luar. Kajian ini melibatkan seramai 361 responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah di Zon Pedalaman Sabah. Pemboleh ubah kajian telah diuji dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan skor min, sisihan piawai, ujian t, ANOVA, korelasi Pearson dan regresi. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan instruksional guru besar (Min = 4.52; SP = 0.313) dan efikasi pengajaran guru (Min = 3.96; SP = 0.358) pada tahap sederhana/tinggi. Analisis korelasi Pearson mendapati hubungan antara kepimpinan pengajaran guru besar dengan efikasi pengajaran guru adalah signifikan dan pada aras yang tinggi. Analisis regresi mendapati kepimpinan pengajaran guru besar memberi pengaruh yang signifikan ke atas efikasi pengajaran guru secara keseluruhan.

---

## BUILDING NATION THROUGH EFFECTIVE SCHOOLS:

## INSTRUCTIONAL LEADERSHIP PRACTICES OF HEADMASTER TOWARDS TEACHERS' JOB SATISFACTION

**Simin Ghavifekr**

Faculty of Education, University of Malaya

[drsimin@um.edu.my](mailto:drsimin@um.edu.my)

School leadership plays an important role in achieving desired goals and objectives of quality education. The leadership practices of headmaster are vital in enhancing meaningful change and improvement in schools. In this study, particularly instructional leadership role of headmaster is a key strategic aspect which leads to effective school environment through teachers' job satisfaction. This is due to the main functions of instructional leadership that leads to shared vision, mission and goals, as well as instruction and assessment, and promoting professional growth of teachers. Therefore, the main purpose of this study is to identify the level of instructional leadership practices of headmasters in secondary schools in Port Dickson, Malaysia. Moreover, this study aims to investigate the relationship between instructional leadership practices of school headmaster and teachers' job satisfaction. A quantitative research design was adopted to collect data. Accordingly, a survey questionnaire was distributed to the total of 90 secondary school teachers randomly. Data gathered from the respondents were analyzed using SPSS (v.23) statistical software for both descriptive and inferential analysis. As perceived by the teachers, findings show that the perception of the frequency distribution related instructional leadership practices of headmaster within the range of 2.93 to mean score of 3.18. Headmasters are highly prefer to share vision, mission and instruction (Mean=3.17, SD=.47), promoting professional growth (Mean=3.09, SD=.53), aligning curriculum, instruction and assessment (Mean=3.03, SD=.48) and monitoring of teachers' progress (Mean=2.93, SD=.57). Whereas, the study's result show that there is a significant correlation between instruction leadership practices of headmasters and teachers' job satisfaction ( $r=.721$ ,  $p<0.05$ ). The results of this study can be beneficial for policy and decision makers towards the Ministry of Education, educational institutions' administration and teachers in realizing their instructional leadership roles and practices.

---

## KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL, SEKOLAH BERKESAN DAN BUDAYA ORGANISASI DI PEDALAMAN SARAWAK

**Nur Faezah bt Arfan<sup>1</sup> & <sup>2</sup>Dg Norizah Ag Kiflee @ Dzulkifli**

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[nurfaezaharfan@yahoo.com](mailto:nurfaezaharfan@yahoo.com), <sup>2</sup>[dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my)

Kertas konsep ini membincangkan kepimpinan instruksional pentadbir, sekolah berkesan dan budaya organisasi di pedalaman Sarawak. Kepimpinan instruksional merupakan kepimpinan yang paling dekat dalam bidang pendidikan. Pengaruh kepimpinan dalam sesebuah organisasi mampu memberi kesan secara langsung kepada prestasi organisasi tersebut. Dalam konteks kajian ini, organisasi adalah sekolah milik kerajaan. Maka keberkesanan sesebuah sekolah adalah dipengaruhi kepimpinan yang diamalkan oleh pentadbir dan budaya yang berakar umbi di sekolah tersebut. Kepimpinan instruksional merupakan kepimpinan yang dititikberatkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2010-2025 dalam anjakan lima untuk menempatkan pemimpin yang berimpak tinggi di sekolah. Kepimpinan instruksional adalah merujuk kepada amalan perancangan pentadbir dalam memberi bimbingan kepada guru dan murid untuk menambahbaik dan meningkatkan prestasi sendiri dan sekolah secara keseluruhan sama ada dalam bidang kurikulum dan kokurikulum. Prestasi ini akan membawa kepada penterjemahan sekolah berkesan dari dua bidang utama tersebut dengan aspirasi kemenjadian murid. Walau bagaimanapun, terdapat faktor lain yang turut memainkan peranan dalam peningkatan prestasi, iaitu pengaruh budaya organisasi yang terbentuk di bawah pimpinan pentadbir.

## AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL GURU BESAR DAN

## HUBUNGANNYA TERHADAP KOMITMEN KERJA GURU SEKOLAH KURANG MURID DI ZON SIBUTI DAERAH SUBIS

Anita Binti Othman<sup>1</sup> & <sup>2</sup>Mohamed Yusoff Mohd Nor  
Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional guru besar dan hubungannya terhadap komitmen kerja guru sekolah kurang murid di zon Sibuti. Penyelidikan tinjauan berbentuk deskriptif dan inferensi ini menggunakan borang 'Principal Instructional Management Rating Scale' untuk mengukur tahap amalan instruksional guru besar manakala borang 'Organizational Commitment Questionnaire' untuk mengukur tahap komitmen kerja guru sekolah kurang murid. Kajian ini melibatkan seramai 169 orang guru dari 31 buah sekolah rendah kurang murid di zon sibuti daerah subis. Analisis statistik deskriptif berasaskan perisian SPSS versi 22.0 dalam bentuk statistik deskriptif frekuensi, skor min, sisihan piawai dan peratusan. Analisis inferensi melibatkan ujian T dan ANOVA digunakan untuk mengkaji perbezaan tahap komitmen kerja guru sekolah rendah berdasarkan faktor demografi dan mengkaji perbezaan amalan kepimpinan instruksional berdasarkan faktor demografi manakala kaedah korelasi Pearson dan ujian regrasi digunakan bagi mengkaji hubungan antara amalan kepimpinan instruksional guru besar dengan komitmen kerja guru sekolahk kurang murid ini. Dapatan kajian menunjukkan keputusan Pearson yang diperolehi menunjukkan bahawa amalan kepimpinan instruksional mempunyai hubungan positif yang lemah serta signifikan dengan komitmen kerja ( $r=0.273$ ,  $p=0.00$ ). Kesimpulannya, faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen kerja merupakan faktor utama yang menyumbang kepada amalan kepimpinan instruksional guru besar.

---

**PEDAGOGI/KOMITMEN GURU/PENYELIAAN GURU/KEPIMPINAN**  
**14 Disember 2017/2.00 – 3.30 ptg/ Bilik Tutorial 2**

---

## BEST PRACTICES OF LOVE PEDAGOGY OF EDUCATIONAL LEADERSHIP TOWARDS STUDENTS' ACADEMIC EXCELLENCE IN CLUSTER SECONDARY SCHOOLS MALAYSIA

Mohamad Johdi Salleh<sup>1</sup> & Che Noraini Hashim<sup>2</sup>  
<sup>1,2</sup>International Islamic University Malaysia (IIUM)  
<sup>1</sup>[johdi@iium.edu.my](mailto:johdi@iium.edu.my)

The study aims to examine the best practices of love pedagogy of educational leadership towards student academic excellence in Cluster Secondary Schools Malaysia from teachers' perspectives. Love pedagogy was an approach concerned on sharing, caring, passionate, love and wisdom in achieving noble visions and missions of an organization or institution. The Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS) on development of students learning formulated, modified and adapted by Hallinger and Murphy (1985), Leithwood, et al (1999), Latip (2006), Hatta (2011) and McCarley, Peters, & Decman (2016) was used as the data collection instrument through survey questionnaire. The researcher employed descriptive statistical procedures involving means and standard deviation to analyze the data collected. There were 615 academic teachers as respondents of different genders, ethnicity and type of cluster secondary schools were participated. The finding of the study indicated that the highest score was function 'Developing and Enforcing Academic Standard' achieved mean 4.1640. It was respectively followed by 'Communicating School Goals' acquired mean 4.0750, 'Providing Incentives for Learning' mean 3.9800, 'Monitoring Student Progress' mean 3.9575, and, 'Supervision and Evaluation of Instruction' mean 3.6700. It is hoped that this research would provide useful findings to effectively assist the principals and teachers to improve students' academic performance in achieving the first class human capital who are excellent nationally and internationally as stipulated in vision and mission of establishing cluster secondary schools by Ministry of Education Malaysia towards realization of Vision 2020 and Malaysian Education Blueprint 2013-2025.

**EXPLORING HOW MALAYSIAN PRIMARY TEACHERS SHOW**

## LOVE AND CARE IN CLASSROOM

**Che Noraini Hashim<sup>1</sup>, Mohamad Johdi Salleh<sup>2</sup>  
Mohaida Mohin<sup>3</sup> & Wan Rusli Wan Ahmad<sup>4</sup>**  
<sup>1,2,3,4</sup>International Islamic University Malaysia (IIUM)

Children usually look to their mothers for love and comfort. However nowadays both parents are busy and tend to neglect or abandon their duty to inculcate love, affection and care at home. Many working parents are expecting teachers to act on their behalf. Teachers are also busy with their daily teaching schedule and become 'exam oriented' teachers. It is strongly believed that an effective teacher create a conducive environment in which students feel loved, cared for and free from fear. There has been little research in Malaysia on how teachers show love and care in the classroom. This study explores how primary school teachers defined love and expressed it to their students in the classroom. A qualitative interview-based research approach was employed where four senior primary school teachers (2 males and 2 females) were interviewed. The participants defined love as caring, mutual respect, attitude towards teaching learning activities and friendliness. The study also revealed that all teachers agreed that they have different ways in inculcating and showed that they love for their students. The teachers also argue that it is very challenging to inculcate loving environment with a big class size and exam oriented culture. The study highlights some important guidelines to inculcate love and care pedagogy in the classroom and at school setting.

---

## KEPIMPINAN TRANSFORMASI GURU BESAR TERHADAP KEPUASAN KERJA GURU SEKOLAH RENDAH

**Velerie Wheelervon Primus<sup>1</sup> & Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkifli<sup>2</sup>**  
<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah  
<sup>1</sup>[auravonn@yahoo.com](mailto:auravonn@yahoo.com) <sup>2</sup>[dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my)

Kertas konsep ini adalah berkaitan kepimpinan transformasi guru besar terhadap kepuasan kerja guru. Sejak kebelakangan ini cabaran penstrukturan semula sekolah dan persekitaran yang tidak menentu dalam bidang pendidikan menyebabkan berlakunya perubahan kepemimpinan sekolah daripada kepemimpinan pengajaran kepada kepemimpinan transformasi (Leithwood & Jantzi, 1999; Abdul Ghani & Anandan, 2009). Dalam konteks sekolah, guru besar merupakan individu yang penting dan berpengaruh serta mempunyai peranan yang besar dalam mewujudkan suasana pembelajaran, tahap profesionalisme, perhubungan antara kakitangan dan tahap keperihatinan mereka terhadap perubahan suasana yang berlaku di sekolah dan persekitaran. Walau bagaimanapun, dalam usaha mengejar matlamat, guru besar masih menghadapi pelbagai rintangan dalam usaha untuk memajukan sekolahnya. Antara rintangan yang sering dihadapi oleh guru besar ialah terdapat segelintir guru-guru yang tidak mahu menerima perubahan, guru tidak boleh menerima nasihat dan kritikan, guru malas, tiada semangat kekeluargaan, tidak bertolak ansur, bersikap negatif dan sebagainya. Menurut Abdul Rahim (2007), tanda-tanda ketidakpuasan kerja ialah bosan, ponteng kerja, komitmen rendah, rungutan, protes, meletakkan jawatan, persaraan awal, hilang kepercayaan, tekanan, burnout, prestasi merosot dan memohon pertukaran. Dalam hal ini kepimpinan Transformasi dilihat sebagai satu gaya kepimpinan yang ideal kerana guru yang berpuas hati dalam kerja menyumbang kepada prestasi kerja yang tinggi (Griffith, 2004). Ringkasnya, kepimpinan sekolah masa kini perlu berubah atau diperbaharui untuk memastikan sekolah mengalami perubahan yang berterusan.

## WORK RELATED FACTORS AND TEACHERS' COMMITMENT:

## A STUDY ON REMEDIAL CLASS TEACHERS IN THE WEST COAST OF SABAH

Aslimah bt. Wasli<sup>1</sup>, Mohd Burhan Ibrahim<sup>2</sup> & Mohamad Johdi Salleh<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> International Islamic University Malaysia

<sup>1</sup> [as221081@yahoo.com](mailto:as221081@yahoo.com) <sup>2</sup> [mburhan@iium.edu.my](mailto:mburhan@iium.edu.my) <sup>3</sup> [johdi@iium.edu.my](mailto:johdi@iium.edu.my)

The aim of this quantitative research was to explore the work related factors and their relationships with teachers commitment among Remedial Class Teachers teaching in schools located in the west coast of Sabah. Questionnaires for the survey were administered to 140 randomly selected remedial class teachers. In addition to the demographic information, the instrument used had also sought information on work related factors, namely school administration, parental factor, student factor, teacher factor and workload related factor as well as teachers' commitment. The descriptive statistics was used to examine the current level of work related factors and commitments as perceived by the Remedial Class Teachers. Correlational analyses were performed on collected data to investigate if there exist significant relationships between each work related factor with the commitment of teachers. In addition, the Multiple Regression Analysis was performed to study if the combined work-related factors explain the variations in the teachers' commitment. Findings indicated that the current level of work related factors ranges from moderate to high. However, the commitment of teachers is observed to be high. Furthermore, the result indicated significant relationships exist between teachers' commitment with the work attributes. Lastly, the finding had also revealed that 53.2% of the variations in the teacher's commitment is explained by the work related factors. Based on the findings of the study, it is recommended that the Ministry of Education should consider giving more incentive to Remedial Class Teachers for their high commitment to enhance their teaching professionalism.

---

## KEPIMPINAN DISTRIBUTIF PENGARAH DAN TEKANAN KERJA TERHADAP KOMITMEN ORGANISASI PENGAJAR DI KOLEJ SAINS KESIHATAN BERSEKUTU KOTA KINABALU SABAH

Khairuddin Bin Abdullah<sup>1</sup> & Baidi Bin Baddiri<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Penjagaan kesihatan yang optimum merupakan agenda utama kerajaan menjelang 2025 dalam Plan Strategik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2011-2015. Berdasarkan keutamaan ini penekanan terhadap komitmen organisasi menjadi keutamaan di setiap institusi latihan KKM. Komitmen terhadap organisasi dilihat mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kecemerlangan institusi. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat tahap kepemimpinan distributif dan tekanan kerja terhadap komitmen organisasi di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Kota Kinabalu. Selain itu, kajian ini juga melihat hubungan yang wujud di antara kepemimpinan distributif dan tekanan kerja terhadap komitmen organisasi. Kajian ini menggunakan kajian literatur tentang Kepemimpinan Distributif, Tekanan Kerja dan Komitmen Organisasi. Kaedah tinjauan digunakan dalam menentukan tahap kepemimpinan distributif, tekanan kerja dan komitmen organisasi. Hubungan kepemimpinan distributif terhadap komitmen organisasi dan tekanan kerja juga dikaji. Hasil kajian menunjukkan kepemimpinan distributif mempunyai hubungan yang signifikan dengan komitmen organisasi dan hubungan tidak signifikan dengan tekanan kerja. Kertas ini akan membentangkan latar belakang masalah kajian, sorotan kajian literatur, kepemimpinan distributif, tekanan kerja dan komitmen organisasi. Kajian ini dapat menyumbangkan kepada penerapan kepemimpinan distributif dalam peningkatan komitmen organisasi. Dengan ini, organisasi dapat mencapai kejayaan dan seiring dengan perubahan semasa dalam bidang penjagaan kesihatan.

---

## THE INFLUENCE OF TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP AND



## PERCEIVED ORGANIZATIONAL POLITIC ON TEACHERS WORK BEHAVIOUR: DOES THE GENDER OF LEADERS MATTERS?

**Aziah Ismail**

School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia

[aziah@usm.my](mailto:aziah@usm.my)

The purpose of this paper is to examine the difference of Transformational Leadership between male and female leaders and its influence on Perceived Organizational Politic and Teachers' Innovative Work Behaviour (IWB). Further the mediating effect of POPS on the relationship between Transformational Leadership (practiced by male and female leaders) and Teachers' IWB is also investigated. In total, 477 teachers from secondary schools were randomly selected from three states in Northern Part of Peninsular Malaysia namely Penang, Kedah and Perlis. 218 teachers were under the female principals while 258 of them were under male. Results were drawn using t-test, Pearson correlation and hierarchical linear regression (HLR) on the data that were collected through questionnaire. Results of the study revealed three main findings i.e. there is significant difference in the level of Transformational Leadership, POPs and Teachers' IWB between schools leads by male and female leaders; Transformational Leadership is significantly related to POPs and Teachers' IWB and; the model of HLR indicates that POPs is partially mediate the relationship between Transformational Leadership and teachers Innovative Work Behaviour in school leads by male and female principal. Conclusions from this research suggested transformational leadership is practiced at the high level by male and female school leaders in Malaysia. However, Transformational Leadership of male leaders is higher than female leaders. This leadership style is identified as an essential determinant of POPs and teachers Innovative Work Behaviour regardless the gender of the school leaders. Therefore, it must be considered by all school leaders in reducing negative POPs and promoting innovative behaviour among teachers in schools. Further, the model of the impact of POPs also suggested that the negative perception of teachers on organizational politics needs to be reduced to create positive work environment which can be an inspiration for them in becoming innovative.

---

### TEKNOLOGI PENDIDIKAN

13 Disember 2017/2.00 – 3.00 ptg/ Bilik Tutorial 2

---

### TAHAP PENERIMAAN GURU SEKOLAH RENDAH DAERAH KUDAT TERHADAP PENGAJARAN MENGGUNAKAN VIDEO

**Ahmad Izzuddin<sup>1</sup>, Afiq Abqari<sup>2</sup>, Hafizul Nadhir<sup>3</sup>, Sabariah Sharif<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah,

<sup>1</sup>[izzuddin\\_odd@yahoo.com.my](mailto:izzuddin_odd@yahoo.com.my) <sup>2</sup>[afiqabqari@icloud.com](mailto:afiqabqari@icloud.com)

<sup>3</sup>[e\\_joi2k@yahoo.com](mailto:e_joi2k@yahoo.com) <sup>4</sup>[sabariah@ums.edu.my](mailto:sabariah@ums.edu.my)

Kajian ini akan menilai sejauhmanakah tahap penerimaan guru sekolah rendah daerah Kudat terhadap pengajaran menggunakan video. Sampel terdiri daripada 9 orang guru dari daerah Kudat yang berlatar belakang dari pelbagai peringkat demografi (jantina, bangsa, umur, pendapatan bulanan dan taraf pendidikan) Hasil dapatan melalui temubual dari informan mendapati kesemua guru berminat dalam mengajar menggunakan video bersesuaian dengan Model Motivasi Keller ARCS bagi meningkatkan kualiti pengajaran di dalam kelas. Impak dari pengajaran kaedah video ini sememangnya memberikan respon yang positif dan dapatan telah dilaporkan secara sistematik dalam kajian ini.

### PENERIMAAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KENINGAU

## TERHADAP MODUL TEKNOLOGI LBK BERASASKAN *TECHNOLOGY ACCEPTANCE MODEL (TAM)*

**Pranchis Andin<sup>1</sup> & Tan Choon Keong<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[francisbhkgu@gmail.com](mailto:francisbhkgu@gmail.com) <sup>2</sup>[ctkanums@gmail.com](mailto:ctkanums@gmail.com)

Isu dalam kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian pada tahun 2010 mendapati penggunaan dan penerimaan teknologi ICT di sekolah adalah terhad. Walaupun ICT digunakan semasa pengajaran, dalam kebanyakan kes penggunaannya masih belum menjangkau penggunaan aplikasi yang maksimum alasan yang diberikan ialah perkakasan yang disediakan tidak disertakan dengan latihan, malah penyediaan latihan dan sokongan lazimnya tidak berterusan dan berkekalan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan Teknologi di kalangan guru-guru di 72 buah sekolah rendah di daerah Keningau sebagai lokasi kajian dengan jumlah Populasi 1,712 guru dan jumlah sampel bertujuan 322 orang. Modul Teknologi Latihan Berbantuan Komputer yang dicadangkan adalah merujuk kepada Latihan Literasi (Microsoft Word) Penerbitan Atas Meja (Microsoft Excel), Penghasilan Bahan Persembahan (Microsoft Powerpoint) dan Internet secara dalam talian. Penyelidikan ini adalah tinjauan menggunakan soalselidik dan tembual tertutup. Dapatan yang diperolehi daripada soal selidik yang di adaptasi daripada Model TAM dengan aras kebolehpercayaan  $>0.05$  dan dapatan daripada tembual yang dijalankan sebagai menyokong dapatan data deskriptif. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian IBM SPSS for Windows Versi 21. Analisis Deskriptif (Min) Univariat (ujian t, Anova satu hala) pelbagai variat (korelasi pearson) dan Regresi Linear digunakan untuk menguji hipotesis kajian pada aras signifikan  $p < 0.05$ . Dapatan kajian menunjukkan mean tahap penerimaan teknologi modul LBK yang tinggi 4.49 pada skala 1 hingga 5 dengan merujuk skla skor min model TAM. Daripada 5 pembolehubah yang diukur, 2 pembolehubah dikenalpasti sebagai yang mendasari kajian merujuk kepada tahap hubungan dan pengaruh yang kuat iaitu perilaku niat menggunakan (BIU) dengan Penggunaan Sebenar (ASU)  $r = .539$ ,  $p < 0.05$ , dan  $R = .290$ ,  $p = .005$ . Manakala Persepsi Mudah digunakan (PEU) dengan Sikap Ke arah penggunaan menunjukkan tahap hubungan dan pengaruh yang kuat merujuk dapatan  $r = .364$ ,  $p < 0.05$ ,  $R = .133$ ,  $p < .05$ . Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat membantu guru meningkatkan kreativiti praktis aplikasi teknologi LBK yang diharapkan dan membantu mereka dalam menghasilkan kualiti kerja, proses guru mengajar murid belajar serta memartabatkan lagi profesion perguruan menyahut cabaran pendidikan abad ke-21 ini. Kajian lebih lanjut berkaitan penerimaan boleh dijalankan menggunakan model penerimaan teknologi yang lain.

---

## PENGINTEGRASIAN ICT DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21 DI KOTA BELUD, SABAH

**Andy Shilton Yong<sup>1</sup> & Sabariah Sharif<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>SK Lasau Podi Kota Belud

<sup>2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[ndshilton@gmail.com](mailto:ndshilton@gmail.com), <sup>2</sup>[sabariah@ums.edu.my](mailto:sabariah@ums.edu.my)

Dunia pendidikan masa kini menekankan kepentingan pembelajaran abad ke-21 dalam memastikan pelajar masa kini memiliki keperluan pendidikan yang relevan bagi menghadapi cabaran globalisasi. Salah satu ciri pembelajaran abad ke-21 adalah pengintegrasian teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Melalui sorotan literatur, isunya adalah kurangnya pengetahuan dan kemahiran guru dalam mengimplementasikan PdP berintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan ada dalam kalangan guru masih menggunakan pendekatan konvensional dalam PdP pada setiap masa menyebabkan kemahiran abad ke-21 yang perlu ada pada setiap pelajar, tidak dapat diterapkan sepenuhnya walaupun sebilangan besar guru mempunyai kemahiran menggunakan komputer dengan baik dan memiliki kemahiran asas ICT. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif kajian kes instrumental untuk meninjau perspektif tujuh orang guru ahli Google Educator Group (GEG) di Kota Belud, yang berpengalaman dan berkemahiran menggunakan ICT dalam PdP dengan memberikan perkongsian dan penerangan bagi menjawab isu kajian. Fokus kajian ini adalah membincangkan isu berkaitan bagaimana guru boleh mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran abad ke-21 dengan lebih baik di samping mengenal pasti faktor mengapa guru mengintegrasikan ICT dalam PdP. Data kualitatif termasuklah temu bual, pemerhatian dan dokumen dianalisis bagi mendapatkan hasil dapatan kajian. Model Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan (TPACK) dan Model SAMR digunakan dalam kajian ini bagi menyelidik membuat perkaitan teoritikal terhadap isu penerapan PdP berintegrasikan ICT. Daripada hasil



kajian, dirumuskan bahawa setiap guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran abad ke-21. Implikasi daripada kajian ini adalah perlunya guru bersikap positif menerima perubahan pendidikan yang terkini dan melibatkan diri dalam pembangunan profesional berkaitan PdP berintegrasi ICT untuk melahirkan guru dan pelajar yang peka dengan amalan baik dan keperluan persekitaran pembelajaran abad ke-21 di samping sokongan padu daripada semua pihak.

---

## THE EFFECTIVENESS OF UTILISING TELEGRAM ON THE ACHIEVEMENTS AND SKILLS OF CRITICAL SCIENCE PROCESS THROUGH COLLABORATIVE LEARNING

**Rasmi Binti Md Desa, Siti Mastura Binti Baharudin**

This study was conducted to identify the effectiveness of using Telegram on the achievement and the proficiency level of the critical Science Process Skills (SPS) for Science subject taught in English (DLP) through collaborative learning. The design of this study applied the experimental method of one group for pre- and post-test. This study had included 32 Standard 5 students from a cluster school as the respondents. Pre- and post-test, and a questionnaire were used as research instruments to evaluate the effectiveness of using Telegram. In addition, the questionnaire was also used to assess the relationship between acceptance towards Telegram and Science achievement using the Technology Acceptance Model (TAM). The collected data were analysed using quantitative methods, which include the t-test (two dependable groups), mean, standard deviation, and the Pearson Correlation method. For the first objective, the t-value was -4.14, therefore, a significant difference was observed in terms of students' achievement after using Telegram. For the second objective, the t-value was -4.02, thus, a significant difference was also observed between the pre-test of the critical Science Process Skills (Pre-SPS) and the post-test of the critical Science Process Skills (Post-SPS). The correlation value for the third objective was  $r = -0.26$ . Thus, no statistically significant correlation was found between Science achievement and the proficiency level of critical Science Process Skills. The fourth objective was achieved based on the correlation results of the questionnaire (TAM) between the ease of use (EU) and the proficiency level of the critical Science Process Skills. The correlation results showed that the correlation value was  $r = .454$ , thus, there was a statistically significant correlation (a weak positive relationship) between the perception of ease of use (EU) and the critical Science Process Skills using the Telegram app. In conclusion, using Telegram had not only improved students' performance; it had also improved the level of proficiency of the critical Science Process Skills.

---

## KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN CIRI-CIRI PERMAINAN DIGITAL YANG MENGGALAKAN KEMAHIRAN BERFIKIR KRITIS MENGGUNAKAN MODEL RASCH

**Mad Noor Bin Mad Japuni<sup>1</sup> & Jamaluddin Harun<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi Dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Fakulti Pendiidkan, Universiti Teknologi Malaysia

Kajian ini merupakan kajian rintis bagi memeriksa dan mengesahkan item-item instrumen ciri-ciri permainan digital yang menggalakan kemahiran berfikir kritis menggunakan model Rasch. Seramai 36 orang pelajar mengikuti program pendidikan dari sebuah universiti tempatan yang dipilih untuk menjawab instrumen yang mengandungi 30 item berdasarkan enam konstruk pemikiran kritis iaitu interpretasi (7 item) analisis (3 item), penilaian (5 item), inferen (5 item), huraian (4 item) dan disiplin diri (6 item). Pengukuran Model Rasch dengan bantuan perisian Winsteps Versi 3.72.3 digunakan bagi memeriksa kefungsiian item berdasarkan aspek kebolehppercayaan dan pengasingan item dan responden, polarity dan kesesuaian item mengukur konstruk dan aras kesukaran item dan responden untuk menentukan kesahan dan kebolehppercayaan instrumen ini. Dapatan menunjukkan sebanyak 5 item telah digugurkan. Sebanyak 25 item telah memenuhi andaian-andaian utama model Rasch yang sesuai bagi mengukur enam konstruk pemikiran kritis. Instrumen ini didapati mempunyai indeks kebolehppercayaan dan indeks pengasingan yang tinggi. Justeru, kajian ini memberi sumbangan yang signifikan kepada aspek pengujian item analisis keperluan ciri-ciri permainan digital yang menggalakan kemahiran berfikir kritis menggunakan model Rasch.

## SIMULASI BERASASKAN WEB DENGAN RANGKAIAN SOSIAL

## DAN KESANNYA TERHADAP PENCAPAIAN DAN PEMIKIRAN KRITIKAL PELAJAR

**Shaharuddin Md Salleh<sup>1</sup>, Zaidatun Tasir<sup>2</sup> & Rozita Abdul Jalil<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

<sup>1</sup>[p-shah@utm.my](mailto:p-shah@utm.my), <sup>2</sup>[p-zaida@utm.my](mailto:p-zaida@utm.my), <sup>3</sup>[rozitajalil@utm.my](mailto:rozitajalil@utm.my)

Kajian ini bertujuan bagi membina dan menilai keberkesanan terhadap pencapaian serta pemikiran kritikal pelajar menerusi pembelajaran simulasi berasaskan web (SBW) yang diintegrasikan dengan laman sosial. SBW dibina berdasarkan tinjauan awal dan berfokuskan kepada beberapa tajuk yang sesuai disimulasikan iaitu pemindahan data, konsep rangkaian dan peralatan rangkaian yang diwakili oleh 6 simulasi. Model reka bentuk instruksi yang digunakan sebagai panduan dalam membina simulasi adalah berdasarkan model Fishwick diintegrasikan dengan suasana pembelajaran sosial konstruktivisme. Bagi menilai keberkesanan SBW, kajian ini menggunakan pendekatan pra eksperimen jenis one group pretest and posttest design yang melibatkan 21 orang responden program perguruan. Data kajian dikumpul menerusi soal selidik, ujian pencapaian pra dan pos, temubual, pemerhatian dan log data. Analisis paired-sample t-test dengan nilai  $\alpha = 0.05$  telah digunakan bagi mendapatkan sama ada terdapatnya perbezaan yang signifikan atau tidak antara skor ujian pra dan pos. Dapatan kajian mendapati bahawa SBW yang dibina memberi kesan positif yang signifikan terhadap pencapaian ( $p = 0.000$ ) dan pemikiran kritikal pelajar ( $p = 0.00$ ). SBW juga didapati memberikan kesan positif yang signifikan terhadap pencapaian ( $p = 0.00$ ) dan pemikiran kritikal ( $p = 0.000$ ). Dapatan kajian juga mendapati terdapat 3 corak perkembangan pemikiran kritikal pelajar selepas menggunakan SBW iaitu; pengekalan pada satu tahap sahaja iaitu sederhana (SSS), perkembangan dari rendah berubah kepada sederhana dan kekal sederhana (RSS) serta perkembangan dari rendah pada awal serta pertengahan kepada kepada tahap sederhana (RRS). Hasil analisis data kualitatif daripada perbincangan dalam laman sosial dan forum atas talian pula mendapati pelajar memberikan komen positif terhadap kesan yang diberikan oleh SBW terhadap pembelajaran mereka dan antara dapatannya ialah pengetahuan bertambah, seronok dan teruja, simulasi berkesan dalam membantu pembelajaran serta menjadikan pembelajaran sangat menyeronokkan. Secara keseluruhannya pencapaian dan pemikiran kritikal pelajar meningkat setelah menggunakan simulasi berasaskan web yang diintegrasikan dengan laman sosial.

---

### KOMPETENSI GURU/EFIKASI/KEPUASAN KERJA

13 Disember 2017/2.00-3.30 ptg/Bilik Tutorial 3

---

### PENGARUH EFIKASI TERHADAP KOMPETENSI PENGAJARAN GURU

**Mohd Yusri Ibrahim<sup>1</sup> Wan Ismail Wan Abdullah<sup>2</sup> dan Mat Rahimi Yusof<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Terengganu, <sup>2</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, <sup>3</sup>SMK Penarek

<sup>1</sup>[yusri@umt.edu.my](mailto:yusri@umt.edu.my) <sup>2</sup>[oneuil97@gmail.com](mailto:oneuil97@gmail.com) <sup>3</sup>[abemiephdumt@gmail.com](mailto:abemiephdumt@gmail.com)

Antara matlamat yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 adalah untuk melahirkan guru yang berkemampuan tinggi dalam pengajaran, khususnya ke arah merealisasikan amalan Pembelajaran Abad Ke-21 di sekolah. Walaupun profesion keguruan semakin mencabar dengan sifat pelanggan yang kian beragam, namun usaha untuk mempertingkatkan kompetensi pengajaran guru perlu dilakukan secara berterusan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pengaruh efikasi terhadap kompetensi pengajaran guru. Kajian kuantitatif ini mengaplikasikan reka bentuk tinjauan secara rentasan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data, manakala responden adalah guru-guru sekolah menengah yang dipilih melalui persampelan berlapis. Data kajian dianalisis menggunakan SEM dengan memberi fokus kepada dua aspek utama iaitu model pengukuran dan model struktur. Dapatan menunjukkan efikasi yang terdiri daripada dua konstruk utama iaitu efikasi sendiri dan efikasi mengajar menyumbang secara positif kepada kompetensi pengajaran yang mempunyai tiga konstruk iaitu strategi pengajaran, kemahiran komunikasi dan kawalan kelas. Model yang dibangunkan daripada kajian ini boleh dimanfaatkan dalam pelbagai konteks sama ada penyeliaan, penaziran, latihan, penilaian, penganugerahan dan sebagainya dalam usaha meningkatkan profesion keguruan dalam aspek pengajaran.

## **KECERDASAN EMOSI DAN KOMPETENSI GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**

**Maslina Binti Idris<sup>1</sup> & Muhammad Idris Bullare@ Bahari<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Kompetensi Kaunselor dalam mengurus manusia adalah satu bidang tugas yang mengundang tekanan besar jika tidak mahir dan tidak minat. Penting dalam mengharmonikan emosi diri sendiri dan juga perasaan orang lain serta memotivasikan diri untuk menguruskan perasaan diri serta dalam menjalin hubungan yang baik dengan orang lain. Kompetensi adalah kemampuan (ability) atau kebolehan seseorang untuk mengerjakan berbagai tugas dalam suatu pekerjaan, dimana kemampuan ini ditentukan oleh dua (2) faktor iaitu kemampuan intelektual dan kemampuan fizikal (Stephen Robbin, 2007). Kajian-kajian literatur menunjukkan kaunselor berhadapan dengan pelbagai isu persekitaran kerja dan dapatan mendapati individu yang menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang tinggi boleh menggunakan emosi untuk mengurus diri dan bekerja dengan orang lain serta didapati berkesan di tempat kerja (Boyartzis et.al.1999; Weisenger 2000; Bedwell 2001; Tengku Elmi & Noriah 2014). Sebaliknya mereka yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah akan menghadapi kekangan dalam perhubungan, untuk menyesuaikan diri dan kurang cemerlang dalam pencapaian kerjayanya (Abraham 1999; Siberman 2001; Austin 2004; Tengku Elmi & Noriah 2014). Sikap tersebut akan membantutkan perkembangan dan kerjaya individu serta organisasi yang disertainya. Dalam Psychological Well-Being (Ryff,1989) terkandung enam (6) Dimensi yang boleh digunakan dalam kajian ini diantaranya penerimaan diri, hubungan positif dengan orang lain, otonomi, penguasaan lingkungan, tujuan hidup dan pertumbuhan peribadi.

---

## **FAKTOR-FAKTOR KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU DI SEBUAH SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC) DAERAH KUALA PENYU, SABAH**

**Ung Koh Sieng<sup>1</sup> & Sabariah Sharif<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Kehendak naluri dalam kepuasan kerja individu akan mewujudkan perasaan tanggungjawab dan penglibatan yang holistik ke arah pencapaian matlamat kerjaya seterusnya menyumbang kepada kepentingan organisasi. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji faktor-faktor kepuasan kerja guru di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) daerah Kuala Penyu, Sabah. Data kajian diperoleh melalui sesi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kesemua data ini adalah mendasari Teori Motivasi ERG Clayton P. Alderfer (1969) dan dianalisis bagi mengkaji faktor-faktor kepuasan kerja guru. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pengaruh pelbagai pihak menjadi faktor utama kepuasan kerja guru dan dikategorikan kepada dimensi keperluan kewujudan (existence needs), keperluan perhubungan (relatedness needs) dan keperluan perkembangan (growth needs). Oleh yang demikian, pihak sekolah harus menekankan faktor-faktor ini demi kesejahteraan organisasi sekolah. Kajian lanjutan dicadangkan untuk mengkaji faktor-faktor kepuasan kerja guru di Sekolah Jenis Kebangsaan (SK) untuk melihat persamaan dan perbezaan jika berbanding dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

---

## **PERBANDINGAN ARAS EFIKASI GURU ANTARA TIGA BUAH SEKOLAH MENENGAH PEDALAMAN SABAH**

**Haidi Entoh<sup>1</sup>, Khalid Johari<sup>2</sup> & Mohd. Khairuddin Abdullah<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aras efikasi dalam kalangan guru-guru di tiga buah sekolah menengah pedalaman Sabah. Kaedah tinjauan dilaksanakan bagi mengkaji aras efikasi dan seterusnya membuat perbandingan aras berkenaan antara guru-guru di ketiga-tiga buah sekolah tersebut. Teori kajian adalah berpandukan kepada Teori Kognitif Sosial Bandura dan juga hasil penyelidikan terkini oleh para penyelidik efikasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan persampelan bertujuan digunakan dalam pemilihan sekolah dan responden. Instrumen 'Teachers' sense Of efficacy Scale' (TSES)', 12 item yang dibina oleh Tschannen-Moran, M., Woolfolk Hoy, A (2001), digunakan untuk mengumpul data dari

104 responden yang telah melengkapkan borang soal selidik. Statistik deskriptif digunakan untuk membentangkan dapatan kajian. Hasil analisis data menunjukkan bahawa aras kepercayaan efikasi guru secara keseluruhan bagi guru-guru di dua buah sekolah kajian berada pada aras yang tinggi ( $M=6.59$ ), manakala guru-guru bagi sebuah sekolah lagi mempersepsikan diri mereka berada pada aras sederhana tinggi. Implikasi kajian juga telah dibincangkan dalam kajian ini.

---

## PENGARUH BEBAN TUGAS, MOTIVASI TERHADAP KEEFISIENAN KERJA GURU SEKOLAH MENENGAH DI SABAH

Arzizul Bin Antin<sup>1</sup> & Dg Norizah Binti Ag Kiflee@Dzulkifli<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[zzul1446@gmail.com](mailto:zzul1446@gmail.com), <sup>2</sup>[dndz@ums.edu.my](mailto:dndz@ums.edu.my)

Kertas kerja konsep ini membincangkan pengaruh beban tugas guru, motivasi guru, terhadap keefisienan kerja guru sekolah menengah di Sabah. Beban tugas guru merujuk kepada tugas atau tanggungjawab rasmi yang telah diberikan oleh pihak sekolah kepada guru untuk dilaksanakan sepanjang masa sama ada di dalam ataupun di luar bilik darjah. Beban tugas guru dibahagikan kepada dua iaitu beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik. Beban tugas akademik merangkumi tugas mengajar dan menguruskan tugas, ujian, dan peperiksaan pelajar. Beban tugas bukan akademik pula merangkumi tugas pengurusan hal ehwal pelajar, pengurusan kokurikulum, dan pengurusan pentadbiran. Motivasi guru merupakan dorongan dalam diri guru dalam melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya. Motivasi guru dibahagikan kepada dua iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Keefisienan kerja guru merujuk kepada cara bagaimana guru melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi menggunakan kaedah yang pelbagai. Beban tugas akademik dan beban tugas bukan akademik yang diberikan kepada guru akan mempengaruhi motivasi guru. Motivasi guru yang dipengaruhi oleh beban tugas ini seterusnya akan mempengaruhi keefisienan kerja guru. Beban tugas guru merupakan variabel tetap. Manakala keefisienan kerja guru merupakan variabel bersandar. Motivasi guru pula merupakan variabel mediator bagi menjelaskan hubungan antara beban tugas guru dengan keefisienan kerja guru dengan lebih tepat.

---

## FACTORS INFLUENCING TEACHERS' AFFECTIVE COMMITMENT TO CHANGE

Lei Mee Thien

School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia

[thienleimee@usm.my](mailto:thienleimee@usm.my)

While literature abounds with factors that contribute to organizational commitment and commitment to change, it is still unclear what factors influence teachers' affective commitment to change. This study attempts to examine mediating effects of intentional-, emotional-, and cognitive readiness for change between two distributive leadership functions and teachers' affective commitment to change. 229 secondary school teachers were selected randomly each from 24 schools in the states of Penang, Perak, and Johor. Data were analyzed using Partial Least Squares-Structural Equation Modeling approach. Findings revealed no significant direct effects between both cooperation of the leadership team and participative decision making and teachers' affective commitment to change. Intentional readiness for change was the strongest mediator between both cooperation of the leadership team and participative decision making and teachers' affective commitment to change. Findings informed policymakers and school that teachers' intentional readiness for change should be emphasized before any attempts to boost teachers' affective commitment to change.

---

13 Disember 2017/3.30 – 4.30 ptg/Bilik Tutorial 1

---

## DEVELOPMENT AND VALIDATION OF ASSESSMENT LITERACY INVENTORY

**Lim, H. L.<sup>1</sup>, Wun T. Y.<sup>2</sup> & Chew, C. M.<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> School of Educational Studies, Universiti Sains Malaysia  
[hllim@usm.my](mailto:hllim@usm.my)

Kajian tentang penghayatan pelajar dari aspek pergaulan menerusi mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah (PSI) di sekolah menengah dilakukan berdasar kepada wujudnya permasalahan sosial khususnya aspek pergaulan dalam kalangan pelajar. Adakah permasalahan tersebut disebabkan oleh pembelajaran PSI kurang berkesan atau terdapat faktor lain yang menyebabkan berlakunya pelanggaran batas akhlak pelajar dalam pergaulan mereka. Justeru, pandangan fuqaha' tentang pergaulan dalam Islam diambil sebagai sandaran kajian. Kajian ini menggunakan metode soal selidik pelajar tingkatan lima di dua buah sekolah menengah di Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia. Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap penghayatan pelajar yang mengambil PSI adalah sederhana. Justeru, beberapa langkah penambahbaikan yang disarankan perlu dilakukan untuk meningkatkan tahap tersebut.

---

## REGRESI KEFAHAMAN DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

**Wan Ismail Wan Abdullah<sup>1</sup>, Nur Iyliani Kamaruzaman<sup>2</sup>**

**Abdul Hakim Abdullah<sup>3</sup>, Mohd Rahim Ariffin<sup>4</sup>,**

**Roslan Ab. Rahman<sup>5</sup>, Ab Aziz, Sulaiman<sup>6</sup> & Mustafa Bin Che Omar<sup>7</sup>**

<sup>1,2,3,4,5,6,7</sup> Faculty of Islamic Contemporary Studies, Universiti Sultan Zainal Abidin

<sup>1</sup>[oneweil97@gmail.com](mailto:oneweil97@gmail.com) <sup>2</sup>[ey\\_lea@yahoo.com.my](mailto:ey_lea@yahoo.com.my)

<sup>3</sup>[hakimabd@unisza.edu.my](mailto:hakimabd@unisza.edu.my) <sup>4</sup>[mrahim@unisza.edu.my](mailto:mrahim@unisza.edu.my)

<sup>5</sup>[roslanabr@unisza.edu.my](mailto:roslanabr@unisza.edu.my) <sup>6</sup>[Abaziz@unisza.edu.my](mailto:Abaziz@unisza.edu.my) <sup>7</sup>[mustafa@unisza.edu.my](mailto:mustafa@unisza.edu.my)

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menguji pengaruh yang wujud antara tahap kefahaman dan tahap penggunaan Guru Pendidikan Islam Program Pensiswazahan Guru UniSZA mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka. Sampel bagi kajian ini melibatkan 230 orang Guru Pendidikan Islam yang sedang mengikuti Program Pensiswazahan Guru di UniSZA. Pengumpulan data menggunakan borang soal selidik telah digunakan untuk menguji pengaruh yang wujud mengenai tahap kefahaman dan tahap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang diaplikasikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran responden yang terlibat. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Science v.22 for Windows (SPSS) untuk mendapatkan tahap regresi pengaruh. Kebolehpercayaan item soal selidik iaitu .87 telah diperolehi berdasarkan satu kajian rintis yang diadakan sebelum kajian sebenar. Hasil analisis secara inferensi telah menunjukkan pengaruh yang KUAT antara tahap kefahaman dan tahap penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam kalangan responden yang terbabit dengan kajian ini.

---

## EXPLORING MORAL REASONING/INQUIRY THROUGH NARRATIVE PEDAGOGY

**Norzihani Saharuddin<sup>1</sup>, Nur Surayyah Madhubala Abdullah<sup>2</sup> & Suhailah Hussien<sup>3</sup>**

<sup>1,2</sup>Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia

<sup>3</sup>Kuliyyah of Education, International Islamic University Malaysia

This paper's purpose is to describe the relevance of Narrative Pedagogy in enhancing moral reasoning/inquiry among teacher trainers in Malaysia. The paper begins with the introduction of Narrative



Pedagogy, together with the examples of Narrative Pedagogy that has been implemented in the educational field around the world as well as in teacher training programme. At that point, the writers will be discussed the teaching and learning criteria/process that encompasses in Narrative Pedagogy classroom, which may beneficial in facilitating moral reasoning/inquiry of teacher trainers especially in Moral Education field.

## PENDIDIKAN MORAL DALAM KALANGANREMAJA JUVANA: SATU KAJIAN KES

**Ashotha Krishnan<sup>1</sup> Wan Hasmah Wan Mamat<sup>2</sup> Zaharah Hussin<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Universiti Malaya

<sup>1</sup>[ashotha76@gmail.com](mailto:ashotha76@gmail.com) <sup>2</sup>[wanhasmah@um.edu.my](mailto:wanhasmah@um.edu.my) <sup>3</sup>[zaharah@um.edu.my](mailto:zaharah@um.edu.my)

Abstrak: Sekolah formal yang diwujudkan di Jabatan Penjara Malaysia bermula pada tahun 2008 telah menjadi peranan sistem pendidikan khususnya KBSM untuk memperkembangkan segala potensi individu serta menerapkan nilai-nilai murni. Selaras dengan itu, satu kajian telah dijalankan untuk mengkaji keberkesanan Pendidikan Moral dalam mengembangkan aspek perasaan moral remaja juvana. Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian kes (case study) dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Model pemprosesan maklumat sosial (social information processing) yang diperluaskan oleh Crick and Dodge (1994) digunakan untuk mengkaji keberkesanan Pendidikan Moral. Peserta kajian terdiri daripada enam orang remaja juvana dari Sekolah Integriti Kajang dan Sekolah Henry Gurney Melaka. Mereka terdiri daripada murid lelaki dan perempuan kaum Cina, India dan Iban. Data dikumpul dengan menggunakan teknik temu bual, pemerhatian dan catatan jurnal. Kaedah analisis tema yang diasaskan oleh Braun dan Clarke (2006) telah diaplikasikan ke atas data yang terkumpul. Dapatan kajian menunjukkan program Pendidikan Moral kurang mengembangkan aspek perasaan moral remaja juvana. Dapatan kajian ini mempunyai implikasi yang penting kepada program Pendidikan Moral di sekolah penjara Malaysia. Adalah menjadi harapan bahawa program Pendidikan Moral di institusi penjara merupakan pilihan terakhir dalam menangani masalah sosial dalam kalangan pelajar khususnya yang terlibat dalam aktiviti jenayah.

## PENELITIAN TERHADAP KRITERIA GURU DALAM PROGRAM ULUL ALBAB DI MALAYSIA

**Fathiyah Mohd Fakhruddin<sup>1</sup>, Nor Hayati Alwi<sup>2</sup>, Nor Adzimah Subirin<sup>3</sup>**

**Siti Suria Salim<sup>4</sup>, Siti Aishah Hassan<sup>5</sup>, Asmawati Suhid<sup>6</sup>**

**Shamsudin Othman<sup>7</sup> & Sharifah Zainab Syed Abdul Rahman<sup>8</sup>**

<sup>1,2,3,4,5,6,7,8</sup> Universiti Putra Malaysia

<sup>1</sup>[fathi@upm.edu.my](mailto:fathi@upm.edu.my) <sup>2</sup>[drnorawi@gmail.com](mailto:drnorawi@gmail.com) <sup>3</sup>[zahra\\_nur8503@yahoo.com](mailto:zahra_nur8503@yahoo.com)

<sup>4</sup>[ssuria@upm.edu.my](mailto:ssuria@upm.edu.my) <sup>5</sup>[siti\\_aishahh@upm.edu.my](mailto:siti_aishahh@upm.edu.my) <sup>6</sup>[asmawati@upm.edu.my](mailto:asmawati@upm.edu.my)

<sup>7</sup>[shamsudean66@gmail.com](mailto:shamsudean66@gmail.com) <sup>8</sup>[hanim8183@gmail.com](mailto:hanim8183@gmail.com)

Program Ulul Albab ialah salah satu program pendidikan yang ditawarkan di beberapa sekolah menengah terpilih di Malaysia. Program Ulul Albab bermatlamat untuk melahirkan murid yang holistik dan seimbang yang dinamakan sebagai ulul albab. Terdapat tiga unsur penting yang ditekankan kepada murid Ulul Albab iaitu unsur Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Matlamat tersebut tidak akan dapat dicapai jika tanpa sokongan guru yang berada dalam program Ulul Albab tersebut. Ini adalah kerana guru ialah pelaksana program atau kurikulum yang telah dirancang. Kajian kualitatif yang menggunakan kaedah grounded theory ini bertujuan untuk memperoleh kriteria guru yang seharusnya untuk melaksanakan program Ulul Albab. Lima orang tokoh yang telah mengkaji dan mengupas tentang konsep Ulul Albab telah ditemu bual bagi menjawab persoalan kajian yang ditentukan. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa terdapat lima kriteria penting yang perlu dimiliki oleh guru yang berada dalam program Ulul Albab sama ada mereka mengajar mata pelajaran agama mahupun sebaliknya. Kriteria tersebut ialah ikhlas, memiliki pemikiran ahli sains yang berada dalam kerangka pemikiran tasawwur dan akidah Islam, berperwatakan Ulul Albab yang dapat menangani masalah kebendaan umat Islam, menguasai kedua-dua ilmu wahyu dan perolehan serta melakukan penilaian terhadap pelajar secara holistik yang menekankan penilaian secara kualitatif. Dapatan yang diperoleh memberi implikasi penting bahawa guru yang berada dalam program atau sistem Ulul Albab perlu dibekalkan dengan latihan dan program pembangunan profesional yang menekankan kriteria yang diperlukan bagi menyokong proses penghasilan generasi murid Ulul Albab.



---

**ESL/SASTERA/GEOGRAFI**  
**14 Disember 2017/2.00-3.00 ptg/ Vilik Tutorial 6**

---

**MODUL EFIKASI PENGAJARAN BAHASA INGGERIS UNTUK  
MENINGKATKAN TAHAP EFIKASI GURU PRASEKOLAH  
DALAM MENGAJAR BAHASA INGGERIS**

**Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz<sup>1</sup> & Nordin Mamat<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Pusat Perkembangan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris

[<sup>1</sup>bibiyana\\_aziz@yahoo.com](mailto:bibiyana_aziz@yahoo.com) [<sup>2</sup>nordin@fppm.upsi.edu.my](mailto:nordin@fppm.upsi.edu.my)

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan sebuah modul untuk meningkatkan tahap efikasi guru prasekolah dalam mengajar Bahasa Inggeris. Kajian ini menggunakan kaedah kajian reka bentuk dan pembangunan yang dipelopori oleh Richey dan Klien (2007) untuk membangunkan modul. Berdasarkan bentuk kajian ini, terdapat tiga langkah yang perlu diikuti untuk pembangunan modul. Fasa pertama melibatkan analisis keperluan yang menggunakan soal selidik yang telah di jalankan ke atas 88 orang guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia dari daerah Larut Matang dan Selama untuk mengenal pasti tahap efikasi guru prasekolah dan mengenal pasti tahap keperluan pembangunan modul. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical Package for the social science (SPSS) version 23.0. Interpretasi analisis keperluan adalah berdasarkan nilai min dan sisihan piawai, korelasi dan regresi. Fasa kedua adalah reka bentuk dan pembangunan yang melibatkan penyediaan bahan, semakan pakar dan kesahan kandungan modul. Fasa terakhir adalah pelaksanaan dan penilaian yang melibatkan ujian keberkesanan modul dengan membuat penilaian terhadap guru-guru yang telah terlibat dengan pelaksanaan modul. Pengumpulan data kualitatif dibuat melalui pemerhatian menggunakan rubrik dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Jangkaan hasil kajian menunjukkan modul berasaskan Teori Efikasi Kendiri Bandura dan dapatan kajian berupaya menyumbang kepada peningkatan pengetahuan guru. Latihan, taklimat, demonstrasi dan pendekatan modul akan dapat meningkatkan tahap efikasi guru prasekolah dalam mengajar Bahasa Inggeris.

---

**ISU PELAKSANAAN LITERASI BAHASA INGGERIS: KAJIAN KES  
SEKOLAH RENDAH DI NEGERI KELANTAN**

**Norfazila Binti Ghazali<sup>1</sup> & Mustafa Che Omar<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin

[<sup>1</sup>zielarazak2010@gmail.com](mailto:zielarazak2010@gmail.com) [<sup>2</sup>mustafa@unisza.edu.my](mailto:mustafa@unisza.edu.my)

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran guru-guru dalam pelaksanaan Literasi Bahasa Inggeris di sekolah rendah. Hal ini kerana, cabaran yang dihadapi oleh guru-guru Literasi Bahasa Inggeris ini kurang mendapat perhatian daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam mencapai Indeks Penunjuk Utama (Key Performance Indicators), program yang dirancang oleh Kementerian, sememangnya menciptakan cabaran tersendiri bagi guru – guru tersebut. Mereka mesti memberi perhatian kepada program yang dijalankan dan juga mencapai KPI yang telah ditetapkan. Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di sekolah rendah memerlukan murid menguasai 12 konstruk semasa saringan. Bagi matapelajaran Bahasa Inggeris khususnya, guru yang menjalankan saringan ini ialah guru opsyen dan guru bukan opsyen dalam matapelajaran Bahasa Inggeris. Hal ini menimbulkan masalah bagi guru – guru tersebut untuk menghadapi murid-murid yang mempunyai pelbagai kebolehan (multiple ability) dalam bilik darjah yang sama. Bagi mencapai objektif kajian, analisis literatur telah dipilih dan digunakan. Berdasarkan hasil analisis, kajian ini mendapati bahawa terdapat dua faktor utama yang menjadi cabaran guru – guru dalam pelaksanaan Literasi Bahasa Inggeris. Faktor pertama adalah cabaran guru dalam pengendalian dan perancangan terbaik untuk meningkatkan pencapaian program LINUS di sekolah. Faktor kedua ialah efikasi guru. Ini kerana efikasi guru akan meningkatkan prestasi pengajaran dan pencapaian akademik murid-murid. Kedua-dua faktor ini haruslah diberi perhatian oleh KPM agar dapat meningkatkan lagi pencapaian Literasi Bahasa Inggeris di masa akan datang.

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SUBJEK BAHASA UNTUK**

## **KEMAHIRAN ABAD KE-21 MENERUSI PEDAGOGI HIKMAH: KAJIAN KES GURU DAERAH GOMBAK**

**Rosnani H.<sup>1</sup>, Wan Mazwati W. Y<sup>2</sup>  
Suhailah H.<sup>3</sup>, Madihah K.<sup>4</sup> & Rosemaliza K.<sup>5</sup>**

<sup>1,3,4,5</sup> Kulliyah Pendidikan  
<sup>2</sup>Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Pendidikan Abad ke-21 amat berbeza dengan pendidikan abad-abad sebelumnya dengan kehadiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang menjadikan akses kepada maklumat dan berkomunikasi amat mudah. Kepentingan menilai maklumat dan menyusunnya membuat pelajar di abad ini memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang meliputi pemikiran kritis dan kreatif, kemahiran kolaboratif, komunikatif dan keprihatinan. Justeru, sistem pendidikan mengalami perubahan yang amat besar dari segi kurikulum, kaedah, pentaksiran dan juga peranan guru. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), I-Think dan juga melatih Jurulatih untuk menyebarkan idea PdP bagi KBAT. Sorotan literatur menunjukkan pedagogi yang digunakan masih belum berjaya membina komuniti inkuiri dan pelajar yang memiliki KBAT. Berdasarkan ini, satu kajian yang menggunakan kaedah yang dipanggil Pedagogi Hikmah (PH) yang mengutamakan komuniti inkuiri telah dilaksanakan di dua buah sekolah menengah di Gombak yang melibatkan tiga orang guru Bahasa Malaysia dan 2 orang guru Bahasa Inggeris. Kajian ini meliputi latihan guru dari segi teori dan praktis, demonstrasi dan bimbingan di sekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru mendapati PH telah mengubah mereka menjadi lebih kritis dan kreatif, mengajar menjadi lebih berpusatkan pelajar, lebih mahir sebagai fasilitator, lebih banyak mencungkil dan bertanya daripada menerangkan, situasi bilik darjah lebih menyeronokkan dan berkesan dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi para pelajar. Kertas ini juga turut membincangkan cabaran yang dihadapi oleh guru.

---

## **APLIKASI PADLET DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KOMPONEN SASTERA**

**Anizam Mohamed Yusof<sup>1</sup>, Siti Masrah Sulakah<sup>2</sup>  
Siti Norhaida Abdul Rahman<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat Johor

Penggunaan aplikasi Padlet dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu alternatif dalam meningkatkan pencapaian dan prestasi pelajar. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan penggunaan aplikasi Padlet terhadap pencapaian murid dalam pembelajaran cerpen Komponen Sastera (KOMSAS). Kajian kuasi eksperimen yang telah dijalankan ini melibatkan 58 orang responden daripada kalangan murid tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di daerah Pontian, Johor. Responden dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen yang diajar menggunakan aplikasi Padlet dan kumpulan kawalan yang diajar melalui kaedah tradisional. Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu kertas ujian dan soal selidik. Ujian-t telah digunakan untuk menganalisis data perbezaan pencapaian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan, manakala peratusan digunakan untuk menganalisis data soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara skor pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra dengan nilai signifikan  $p = 0.60$ . Dalam ujian pasca pula, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara skor pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dengan nilai signifikan  $p=0.00$ . Selain itu, kumpulan kawalan menunjukkan perbezaan antara skor pencapaian ujian pra dengan ujian pasca dengan nilai signifikan  $p=0.00$ . Kumpulan eksperimen juga menunjukkan perbezaan antara skor pencapaian ujian pra dengan ujian pasca dengan nilai signifikan  $p=0.00$ . Dapatan kajian juga menunjukkan tahap minat murid terhadap aplikasi Padlet dalam pengajaran dan pembelajaran cerpen KOMSAS adalah tinggi. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa aplikasi Padlet dapat meningkatkan pencapaian pelajar dan secara tidak langsung menarik minat pelajar dalam pembelajaran cerpen KOMSAS. Implikasi kajian ialah guru dapat menggunakan kaedah pengajaran ini bagi mewujudkan pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan menghasilkan pengajaran yang berkesan berbanding kaedah tradisional.

## MAKNA PENUTUR DALAM SKRIP DRAMA ANTOLOGI TEKS KOMPONEN SASTERA

Muhammad Zuhair Zainal<sup>1</sup>, AlAmin Mydin<sup>2</sup>  
Abdullah Ghani Kamesan Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia

<sup>1</sup>[zuhair@usm.my](mailto:zuhair@usm.my) <sup>2</sup>[alamin@usm.my](mailto:alamin@usm.my) <sup>3</sup>[agk@usm.my](mailto:agk@usm.my)

Ujaran tak langsung yang terdapat dalam skrip drama Bahasa Melayu seringkali sukar untuk difahami makna penuturnya secara jelas dan tepat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti potensi makna dan menjelaskan makna penutur bagi ujaran tak langsung yang terdapat dalam skrip drama. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Data kajian merupakan ujaran tak langsung terpilih yang terdapat dalam skrip drama yang terkumpul dalam antologi teks komponen sastera bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia. Teknik analisis dokumen digunakan untuk meneliti setiap ujaran tak langsung terpilih dengan berpandukan prinsip pragmatik. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat potensi makna bagi makna penutur dalam ujaran tak langsung yang terpilih. Potensi makna tersebut dapat dikenal pasti dan ditafsir berpandukan konteks fizikal dan persekitaran, konteks sosial dan budaya, konteks linguistik, dan niat penutur. Kajian ini penting dijalankan bagi memberi panduan dan pendedahan kepada para guru dan para pelajar Bahasa Melayu untuk menginterpretasi makna bagi ujaran-ujaran yang bersifat implisit yang terdapat dalam skrip drama berpandukan prinsip pragmatik.

---

## PENGGUNAAN M-LEARNING (MOBILE LEARNING) DALAM KERJA LAPANGAN MATA PELAJARAN GEOGRAFI TINGKATAN 6

Dympna James Jemson<sup>1</sup>, Sabariah Sharif<sup>2</sup> & Soon Singh A/L Bikar Singh<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Teknologi dan kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan adalah dua aspek yang menjadi isu utama dalam penyelidikan beberapa tahun ini. Kemahiran abad ke-21 dalam pendidikan, seperti penyelesaian masalah, pemikiran kritis dan komunikasi yang berkesan adalah kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh pelajar untuk memastikan kejayaan masa depan mereka. Kajian ini memberi panduan untuk guru dan pelajar mengenai potensi, had dan penggunaan M-learning dalam pembelajaran terutama sekali dalam kerja lapangan. Kebanyakan guru tahu tentang kegunaan teknologi dalam pembelajaran, tetapi tidak sedar akan kepentingannya dalam memudahkan perjalanan aktiviti kerja lapangan pelajar. Guru tidak dapat mengenal pasti kelebihan yang diberikan oleh M-learning dalam meningkatkan kecekapan pengumpulan data, menganalisis data lapangan dengan lebih cepat dan mengurangkan masa pemprosesan data di sekolah yang mana seringkali menjadi punca kepada masalah dalam menyiapkan laporan kerja lapangan terutama sekali bagi pelajar tingkatan 6. Selain itu pelajar juga memerlukan bimbingan yang berterusan daripada guru terutama sekali bimbingan bagi kaedah penggunaan aplikasi-aplikasi dalam M-learning serta kegunaannya bagi memastikan keberkesanan implementasi M-learning dalam kerja lapangan. Kajian ini dilaksanakan untuk melihat tahap penerimaan pelajar terhadap penggunaan M-learning dalam kerja lapangan bagi mata pelajaran geografi. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan sebuah pusat tingkatan 6 yang terletak di daerah Penampang. Semua pelajar yang mengambil mata pelajaran geografi telah diambil sebagai sampel kajian. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini.

## **KAEDAH STESEN DALAM PENDIDIKAN JASMANI**

**Raja Ismail Raja Lope Ahmad**

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

Pendekatan pengajaran berstesen adalah satu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang menekankan aspek penggunaan stesen, memerlukan, pengurusan masa yang efektif di samping perancangan pengajaran yang teliti. Objektif utama kaedah berstesen ini adalah untuk memaksimumkan penggunaan alatan yang sedia ada terutamanya sekolah-sekolah luar bandar, menghadapi kekurangan peralatan Pendidikan Jasmani. Aspek ini amat penting agar segala aktiviti yang telah diatur dapat dijalankan dengan licin dan sistematik. Kebijaksanaan guru dalam mengatur aktiviti-aktiviti di stesen akan membantunya melancarkan lagi pendekatan ini. Faktor-faktor lain yang perlu diambil kira adalah seperti bilangan pelajar dan jumlah stesen yang digunakan ketika mengendalikan pendekatan ini di padang. Tidak ada pelajar yang berdiam diri sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di jalankan kerana setiap stesen telah ditetapkan aktiviti yang perlu pelajar lakukan dalam tempuh masa yang telah ditetapkan.

---

## **TRANSFORMASI PENGURUSAN KOKURIKULUM MELONJAKKAN PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM SEKOLAH HINGGA PERSADA ANTARABANGSA : SATU PERKONGSIAN ILMU DI SK CANOSSIAN CONVENT, SEGAMAT, JOHOR**

**Supian Bin Hashim<sup>1</sup>, Ahmad Shamsul Bin Haji Tumijan<sup>2</sup>**

**W.Nor Asekin Binti W.Hussain<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup> SK Canossian Convent, Segamat

<sup>1</sup>[sufiansegamat@gmail.com](mailto:sufiansegamat@gmail.com) <sup>2</sup>[ahmadshamsul69@gmail.com](mailto:ahmadshamsul69@gmail.com)

<sup>3</sup>[wanekin301@yahoo.com.my](mailto:wanekin301@yahoo.com.my)

Bidang kokurikulum merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia selain bidang akademik. Bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kegiatan kokurikulum mestilah bergerak selari dengan akademik bagi membentuk pelajar yang mempunyai ketrampilan, kemahiran pelbagai dan jati diri yang unggul bagi mendepani cabaran semasa. Kejatuhan harga minyak dunia dan kemerosotan harga komoditi menyebabkan kelembapan ekonomi negara yang mengakibatkan pengurangan bajet pendidikan. Natiujahnya banyak aktiviti kokurikulum tidak dilaksanakan atau ditangguhkan. Lantas menuntut suatu transformasi pengurusan kokurikulum dilakukan secara terancang. Melalui kerjasama kolaboratif dengan kementerian lain dan agensi-agensi luar telah berjaya merencanakan kegiatan kokurikulum di sekolah seolah-olah tidak terkesan dengan pemotongan bajet kokurikulum. Dengan bilangan pelajar yang kurang dari 150 orang dan kewangan yang terhad, SK Canossian Convent telah berjaya melakar nama di pentas antarabangsa melalui kegiatan kokurikulum khususnya inovasi, reka cipta dan reka bentuk sejak tahun 2011 hingga kini dengan menyertai Pertandingan SEAMEO-Japan Award, International Invention, Innovation and Design (IIID Johor), Innovative Practices In Education and Industry Exhibition (I-PEINX) dan termasuk International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX). Atas ketekalan kejayaan ini, SK Canossian Convent telah menerima pencalonan New Deal 4 tahun berturut-turut. Pembelajaran abad ke-21 yang diamalkan bukan sahaja memerlukan pelajar-pelajar berada di lokasi bagi mempersembahkan ciptaan/inovasi mereka tetapi juga boleh dilakukan tanpa kehadiran mereka. Rakaman video dan hasil penulisan yang dihantar melalui email telah melonjakkan pencapaian kokurikulum para pelajar di peringkat global selain menjimatkan kos. Beberapa faktor kejayaan dikongsi oleh penyelidik berdasarkan pengalaman menerajui bidang ini di SK Canossian Convent, Segamat sehingga terpilih sebagai finalist Anugerah Inovasi Negara 2015.

## **PENILAIAN PROGRAM 1 MURID 1 SUKAN: KUALITI PERKHIDMATAN SUKAN DAN MOTIVASI DENGAN**

## PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERBUDAYA SUKAN

**Mohd Affendi Bin Arifin**

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah,  
*mohdaffendarifin@yahoo.com*

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menilai dimensi kualiti perkhidmatan Program 1M1S, motivasi terhadap Pembangunan Modal Insan Berbudaya Sukan (MIBS) dalam kalangan murid sekolah menengah harian di Kota Kinabalu Sabah. Kajian kuantitatif ini menggunakan Model Tyler dengan kaedah tinjauan yang meneroka pengalaman murid dengan aktiviti sukan dalam mencapai objektif Program 1M1S melibatkan seramai 473 orang murid di PPD Kota Kinabalu. Kajian ini menggunakan Instrumen Mengukur Kualiti Perkhidmatan dalam Penglibatan Sukan (SSQPS) oleh Ko dan Pastore's (2001), Instrumen Mengukur Motivasi Intrinsik Sukan iaitu Sport Motivation Scale(SMS) oleh Vallerand et al. (1995) dan Instrumen soal-selidik Intrinsic Motivation Inventory (McAuley et al., 1989). Manakala Instrumen-instrumen untuk mengukur Pembangunan MIBS pula terdiri daripada Instrumen pengukuran penyertaan National Survey of Students Engagement (NSSE) oleh Chapman (2003). Instrumen sikap dan Manfaat Murid pula ialah Health Promotion Model oleh Sechrist et al. (1987) daripada University of Michigan dan Instrumen yang terakhir untuk mengukur Kesetiaan murid ialah Instrumen Zeithaml et al.(1996). Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 22 dan analisis data dilaksanakan secara Inferens (Korelasi Pearson). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapatnya hubungan yang positif dan signifikan antara Kualiti Perkhidmatan Program 1M1S dan Pembangunan MIBS. Diharapkan kajian ini akan dapat memberikan input yang berguna kepada KPM bagi penambahbaikan program 1M1S.

---

## ATTITUDE TOWARDS COMPETITIVE SPORTS, COMPETITIVE SPORTS PARTICIPATION AND ACADEMIC ACHIEVEMENT OF STUDENT-ATHLETES IN SAUDI ARABIA

**Alahmed, M. I<sup>1</sup>, Yusof, A<sup>2</sup>, Amri, A<sup>3</sup> and Borhannudin Abdullah<sup>4</sup>**

<sup>1</sup>Department of Physical Education, King Faisal University, Kingdom of Saudi Arabia  
<sup>2,3,4</sup> Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia, Malaysia

The goal of most universities and colleges is for student athletes to succeed academically while participating in sport. However, some studies suggest that participation in competitive sports can lead to a lower academic performance of a student-athlete. This study examined the relationship between participation in competitive sports and academic achievement of student-athletes in Saudi Arabia. Additionally, this study also examined the extent to which attitude towards competitive sports mediates the relationship between competitive sports participation and academic achievement. Data for this study were collected from a sample of 102 undergraduate student-athletes from three universities in the Eastern Region of Kingdom of Saudi Arabia (KSA). The Attitudes towards Physical Activity (ATPA) questionnaire developed by Gerald Kenyon (1968) was used to measure competitive sports attitude of the subjects. Sports participation and academic achievement were measured by asking the subjects to report their grade point average (GPA) and the frequency of participation in competitive sports. The results showed that competitive sports attitude significantly mediates the relationship between sports participation and academic achievement. The result means that the more active a student-athlete in competitive sports, the better is his academic performance; however, when his attitude towards competitive sports and academic achievement are positive, the relationship between participation in competitive sports on academic performance become stronger. It was concluded that the mediation effect occurs due to the regulation of Saudi Universities Sports Federation (SUSF) that allows participation in competitive sports only to student-athletes with good academic standing.

## PENGARUH KOMITMEN, PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU DALAM PERLAKSANAAN KO-KURIKULUM

## DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI SABAH

**Paulinia @ Lija binti Tanin<sup>1</sup> & Mohd Zaki Ishak<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[paulinia@iab.edu.my](mailto:paulinia@iab.edu.my) <sup>2</sup>[movolk@ums.edu.my](mailto:movolk@ums.edu.my)

Sistem pendidikan yang seimbang dan sempurna, harus memberi penekanan terhadap kedua-dua aspek iaitu aspek kurikulum dan kokurikulum. Ini adalah kerana, penekanan yang seimbang di antara kurikulum dan kokurikulum dapat mewujudkan satu bangsa Malaysia yang harmonis dan seimbang. Kegiatan kokurikulum di sekolah merupakan aktiviti luar bilik darjah dan diiktiraf sebagai proses pendidikan di seluruh negara. Dengan aktiviti kokurikulum, pelajar mendapat pengetahuan dan pengalaman tertentu yang tidak dapat diperoleh di dalam bilik darjah. Selain itu, dapat memperkembangkan mental, minat, bakat, jasmani, rohani dan pembentukan nilai murni serta sosial yang positif dalam kalangan pelajar. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pengaruh komitmen, pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah menengah harian di negeri Sabah. Responden kajian ini terdiri daripada 372 orang guru yang menjadi guru penasihat kegiatan kokurikulum di sekolah-sekolah terpilih mewakili enam zon di negeri Sabah. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik dan data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) versi 20 untuk mencari frekuensi, peratus, min, ujian-t, korelasi, dan regresi. Berdasarkan keputusan analisis data yang dilakukan, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan komitmen, pengetahuan dan kemahiran guru berdasarkan faktor jantina dan pengalaman mengajar. Ujian korelasi Pearson mendapati secara keseluruhannya terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen guru, pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Ujian regresi juga mendapati terdapat pengaruh yang signifikan antara komitmen guru, pengetahuan dan kemahiran guru dengan pelaksanaan kokurikulum. Dapatan kajian ini, diharap akan dapat memberikan impak yang positif terhadap pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah menengah serta boleh dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji akan datang. Seterusnya guru-guru akan dapat meningkatkan kompetensi mereka dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum dengan adanya kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan profesionalisme guru

---

## PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGLIBATAN DALAM KEGIATAN KOKURIKULUM

**Jinjuli Jameson**

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

[jinjuli.jameson@gmail.com](mailto:jinjuli.jameson@gmail.com)

Kajian ini bertujuan untuk menerokai persepsi pelajar terhadap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Kokurikulum merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan negara dan kerajaan menetapkan agar semua sekolah awam di Malaysia perlu melancarkan aktiviti kokurikulum di sekolah masing-masing. Pelajar diwajibkan untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum yang terdiri daripada persatuan dalam kategori hobi dan rekreasi, sukan dan permainan, badan beruniform, mata pelajaran yang diajar di sekolah atau apa-apa persatuan yang diluluskan oleh pendaftar. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual dan seramai tiga orang pelajar dari SMK. St. Francis Convent (M), Kota Kinabalu, Sabah telah dipilih untuk menjadi informan dalam kajian ini. Informan dipilih secara rawak tanpa mengira tahap penglibatan atau jumlah masa penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum. Reka bentuk kajian kes, iaitu kajian emperikal yang berdasarkan prosedur sistematik dan saintifik untuk menyiasat fenomena semasa dalam konteks kehidupan sebenar telah digunakan dalam kajian ini bagi memenuhi objektif kajian. Dapatan kajian menyenaraikan beberapa persepsi terhadap penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, termasuklah kesan dalam kelas, pembangunan sahsiah, kemahiran dan pengetahuan, akademik dan persepsi umum iaitu persepsi positif dan negatif. Diharapkan hasil kajian dapat menyumbangkan kepada penambahbaikan sistem kokurikulum sedia ada sekolah dan memperbaiki aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dalam kokurikulum serta menjadi rujukan untuk kajian masa hadapan.

---

## PENDIDIKAN MATEMATIK

13 Disember 2017 / 2.00 – 3.30 ptg/Bilik Tutorial 6

## **INOVASI M3KBAT: MENGUKUHKAN KEMAHIRAN MENYELESAIKAN SOALAN BUKAN RUTIN (KBAT) MATEMATIK SPM**

**Richeal Phil Thien Kim How**

Jabatan Sains dan Matematik.  
Sek. Men. Keb. Segama, Lahad Datu, Sabah

Implementasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) menjadi satu cabaran bagi murid dan guru dalam pengajaran dan pembelajaran masa kini. Media sosial dipenuhi dengan luahan guru dan murid menunjukkan rasa fobia apabila soalan jenis KBAT dimasukkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Penyelidikan ini dijalankan untuk membangunkan dan menilai sejauh manakah keberkesanan penggunaan Modul Perisian Interaksi KBAT Matematik SPM atau dikenali M3KBAT dalam meningkatkan penguasaan murid dalam penyelesaian soalan Matematik bagi topik Persamaan kuadratik. Perisian ini dibangunkan dengan menggunakan alat pengarang Photoshop CS7, Ulead Gif Animator dan Microsoft Office berasaskan model reka bentuk pengajaran ADDIE yang mempunyai lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian. Untuk menilai perisian ini, data dikumpulkan melalui instrumen iaitu melalui ujian pra dan ujian pasca, pemerhatian oleh pemerhati bebas dan borang penilaian dari pakar-pakar pendidikan. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 33 orang murid dimana murid tersebut telah mencapai keputusan sederhana lemah dalam peperiksaan Matematik Tingkatan Empat. Hasil analisis penilaian mendapati bahawa terdapat peningkatan gred dalam ujian pasca berbanding ujian pra. Melalui instrumen pemerhatian pula mendapati bahawa murid-murid lebih bermotivasi, aktif dan berminat terhadap pengajaran menggunakan M3KBAT berbanding kaedah pengajaran tradisional. Diharap kajian ini akan memberi kesedaran bahawa penyelesaian soalan KBAT boleh dipelajari dengan intervensi pelbagai untuk memenuhi keperluan setiap murid yang mempunyai latar belakang berbeza.

---

## **SUMBANGAN KEPERCAYAAN MATEMATIK TERHADAP AMALAN PENGAJARAN GURU SEKOLAH MENENGAH**

**Siti Mistima Maat**

Pusat Penilaian Pendidikan, Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor.

Kajian tinjauan ini dijalankan adalah untuk menentukan sumbangan kepercayaan matematik terhadap amalan pengajaran guru. Teknik pensampelan berstrata digunakan bagi mendapatkan responden seramai 254 orang guru matematik bagi menjawab soal selidik tentang kepercayaan matematik terdiri dari kepercayaan terhadap sifat matematik, kepercayaan terhadap pengajaran matematik dan kepercayaan terhadap pembelajaran matematik. Manakala amalan pengajaran merujuk kepada amalan pengajaran berpusatkan guru dan amalan pengajaran berpusatkan pelajar. Kesemua instrumen kajian yang digunakan adalah menepati nilai kebolehppercayaan yang ditetapkan bagi setiap kajian tinjauan. Statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Data dianalisis menggunakan Analysis of Moment Structure (AMOS) versi 22 bagi menghasilkan analisis Confirmatory Factor Analysis (CFA), analisis korelasi Pearson dan regresi berganda. Dapatan menunjukkan kepercayaan matematik dan amalan pengajaran memenuhi kesemua syarat indeks kesepadanan yang digunakan iaitu CMINDf, TLI, CFI, RMR, GFI dan RMSEA. Hubungan antara kepercayaan matematik dengan amalan pengajaran guru adalah signifikan. Analisis lanjutan yang dilakukan melalui regresi berganda menunjukkan hanya 14% variasi dalam amalan pengajaran guru dapat diterangkan oleh kepercayaan matematik mereka. Secara khususnya, kepercayaan matematik menyumbang sebanyak 18% terhadap amalan pengajaran berpusatkan guru berbanding 44% sumbangan terhadap amalan pengajaran berpusatkan pelajar. Oleh yang demikian, penambahbaikan dari aspek latihan keguruan dan pelaksanaan pengajaran perlu diberi perhatian yang wajar bagi memenuhi standard kualiti guru yang ingin dicapai.

## **PENGGUNAAN KALKULATOR GRAFIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK: META-ANALISIS**



**Roslinda Rosli<sup>1</sup> & Nur E'zzatul Hamizah Mukhtar<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>1</sup>[roslinda@ukm.ed.my](mailto:roslinda@ukm.ed.my) <sup>2</sup>[nehmhjmukhtar@gmail.com](mailto:nehmhjmukhtar@gmail.com)

Dalam era teknologi terkini, kalkulator grafik digunakan secara meluas bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran matematik. Kajian ini bertujuan bagi meninjau penggunaan kalkulator grafik dan faktor yang mempengaruhi penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Skop kajian melibatkan penerbitan di antara tahun 1995 hingga 2015, penggunaan kalkulator grafik sebagai kaedah intervensi, rekabentuk kajian eksperimen, dan mempunyai data untuk pengiraan effect size. Dapatan meta-analisis ini menunjukkan penggunaan kalkulator grafik mempunyai kesan positif secara statistik signifikan terhadap hasil pembelajaran berasaskan pencapaian dan sika dan mempunyai kesan yang besar dengan nilai effect size melebihi 0.80. Implikasi kajian juga dibincangkan.

---

## **MENGAJAI KEBERKESANAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) PELAJAR DALAM MATEMATIK MELALUI KAEDAH PEMBELAJARAN LUAR BILIK DARJAH (PLBD)**

**Mohammad Firros Bin Rosool Gani**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

[firusfairuz@gmail.com](mailto:firusfairuz@gmail.com)

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji adakah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) matematik pelajar dapat ditingkatkan dengan menggunakan pendekatan pembelajaran luar bilik darjah (PLBD). Justeru itu, satu kerangka perancangan telah dibuat terhadap empat kemahiran tertinggi dalam Taksonomi Bloom semakan semula yang juga merupakan konstruk utama dalam KBAT. Konstruk KBAT tersebut ialah konstruk menganalisis, mengaplikasi, menilai dan mencipta. Sampel kajian ini melibatkan 60 pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Agama Bandar Tenggara, Kulai, Johor. Dalam menjalankan kajian ini, data dikumpul melalui kajian keputusan ujian pra dan ujian pos sebelum dan selepas menjalankan aktiviti PLBD. Hasil daripada analisis data menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bertunjangkan aktiviti PLBD dapat meningkatkan penguasaan matematik pelajar dalam keempat-empat tahap KBAT. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikansi yang positif terhadap peningkatan KBAT pelajar dalam matematik dengan menggunakan pendekatan PLBD bagi tahap mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada semua pihak termasuk pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak pentadbiran sekolah, ibubapa, guru matematik malah bagi pelajar itu sendiri dari segi penggubalan dasar yang berkaitan, pengaplikasian dan sebagai satu bukti keberkesanan dalam proses pemerksaan KBAT.

---

## **KESAN KAEDAH GAMIFIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN ALGEBRA**

**Anizam Mohamed Yusof<sup>1</sup>, Siti Norhaida Abdul Rahman<sup>2</sup>**

**Siti Masrah Sulakah<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Matematik merupakan salah satu mata pelajaran yang kritikal bagi murid sekolah. Pelbagai pendekatan telah diusahakan untuk membantu meningkatkan pencapaian mata pelajaran ini dari semasa ke semasa. Kini kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan permainan merupakan satu inovasi yang mampu menarik minat murid. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan kaedah gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran Ungkapan Algebra terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir murid. Kajian kuasi eksperimen ini telah dijalankan terhadap 60 orang murid tingkatan dua di sebuah Sekolah Menengah Agama Johor. Murid dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah tradisional dan kumpulan eksperimen diajar melalui kaedah gamifikasi. Kajian ini menggunakan satu set ujian yang digunakan untuk ujian pra dan ujian pasca. Ujian-t telah digunakan untuk menganalisis data perbezaan pencapaian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan manakala analisis deksriptif berbentuk peratusan pula menganalisis aras kemahiran berfikir. Dapatan kajian

menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara skor pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra dengan nilai signifikan  $p=0.37$ . Dalam ujian pasca pula, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan antara skor pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dengan nilai signifikan  $p=0.00$ . Pada peringkat awal, pencapaian kedua-dua kumpulan berada pada tahap yang sama tetapi selepas rawatan dijalankan kepada kedua-dua kumpulan didapati terdapat perbezaan signifikan dalam ujian pasca. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan aras kemahiran berfikir murid kumpulan eksperimen meningkat. Oleh itu, kaedah gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dapat meningkatkan pencapaian dan aras kemahiran berfikir murid. Justeru, guru seharusnya mengaplikasikan kaedah pengajaran berasaskan permainan bagi menghasilkan pembelajaran yang efektif.

---

## THE USE OF GEOGEBRA IN REDUCING STUDENTS' MISCONCEPTIONS AND PROCEDURAL ERRORS

**Hutkemri**

Faculty of Education, University Malaya

[hutkemri@um.edu.my](mailto:hutkemri@um.edu.my)

A quasi-experiment was conducted to determine the effects of using the GeoGebra software as a teaching aid to reduce misconceptions and procedural errors among Form Two students. Among 284 students were divided into two groups: 138 students were in the treatment group, while 146 students were in the control group. Data were analyzed using Anates 4 software and SPSS 23.0. A pilot study was conducted on 60 students prior to the actual research. Results of the pilot study indicated that each item used to determine whether students' conceptual and procedural knowledge on the function topic was fit to be used in the real research. The results showed that the use of the GeoGebra software as a teaching aid could reduce misconceptions better than the traditional method. The GeoGebra software can better illustrate mathematical concepts through visuals and graphs, which considerably aid students in mastering and understanding concepts and procedures of the function. Hence, GeoGebra software should be widely used to assist teachers in teaching Algebra, Geometry and Calculus.

---

## PENDIDIKAN SAINS /ROBOTIK

14 Disember 2017/11.00 pg – 12.30 tgh/ Bilik Tutorial 6

---

## TRANSFORMING THE PHYSICS CONTENT INTO CONTENT FOR INSTRUCTION

**Azlinah Ispal<sup>1</sup> & Mohd. Zaki Ishak<sup>2</sup>**

<sup>1,2</sup>Faculty of Psychology and Education, University Malaysia Sabah

<sup>1</sup>[azlinah.ispal@gmail.com](mailto:azlinah.ispal@gmail.com) <sup>2</sup>[movolk@ums.edu.my](mailto:movolk@ums.edu.my)

Many teachers and physics educators think that the content for instruction has to be simpler than the physics content to make it accessible for the students. They call the process of designing the content for instruction as reduction or simplification. In fact, the physics content and content for instruction are two substantially different in terms of their structures. In a way, the content for instruction has to be much more complex and enriched by putting it into contexts that make sense for the students. For example, physics content may not be directly transformed into the content for instruction. Generally, its physics content is presented in terms of school physics, formal physics, true physics, and hidden physics. School physics as the same as formal physics, that is the physics articulated in the school physics curriculum specifications, while true physics is composed of current scientific theory, but impelled to the chronology, history, and philosophy of specific physics content, and hidden physics is the ontological, conceptual, and epistemological aspects that reinforce the physics content. Then, how to transform the physics content into content for instruction? This study will provide the answers through the theoretical orientation towards the Model of Educational Reconstruction (MER) which concerns for the analytical process of transposing (or transforming) students' knowledge (the culture heritage) into knowledge for schooling. The MER is based on the German education tradition of Bildung and Didaktik where they are embedded within a constructivist epistemological framework. Within the model, clarification of physics content includes physics issues, educational issues and students' conceptions toward physics seeks to bring into balance and

